



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## INTERAKSI ANTARA BUDAYA DALAM KALANGAN MASYARAKAT MUKUM TELOI, SIK, KEDAH (MTSK)

MOHAMAD SUHAIMI BIN A RAHMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (PENGAJIAN MALAYSIA) (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## INTERAKSI ANTARA BUDAYA DALAM KALANGAN MASYARAKAT MUKIM TELOI, SIK, KEDAH

### ABSTRAK

Interaksi antara budaya merupakan satu proses pertemuan satu atau lebih budaya asing ke atas masyarakat tempatan yang mewujudkan pola kehidupan yang beragam, diaspora dan unik. Sebagai sebuah negara kepelbagaian etnik, interaksi antara budaya berlaku sepanjang proses pembinaan negara bangsa Malaysia dengan menggunakan pelbagai cara iaitu asmilasi, integrasi, amalgamasi dan akulturasi. Tujuan kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti proses interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat MTSK dan kesannya kepada cara hidup masyarakat di kawasan tersebut. Kajian yang dijalankan menggunakan penyelidikan kualitatif merangkumi kaedah etnografi iaitu kerja lapangan, temubual, kaji selidik dan perpustakaan. Kajian ini turut melibatkan dua lapisan umur masyarakat di MTSK iaitu golongan remaja dan golongan dewasa. Penelitian interaksi antara budaya telah melibatkan beberapa buah kampung yang didiami oleh etnik Melayu dan etnik Siam. Antaranya kampung Teloi Tua, kampung Batu Lima, kampung Changhai, kampung Charok Padang, kampung Bandar Hilir, kampung Begia, kampung Charok Tok Uban, kampung Kerawai dan kampung Tupai. Hasil kajian menunjukkan bahawa interaksi antara budaya dalam kalangan MTSK berlaku dalam kalangan etnik Melayu, etnik Siam dan etnik Sam-sam. Interaksi antara budaya dalam kalangan MTSK berlaku melalui beberapa proses iaitu persempadanan, migrasi penduduk, amalgamasi Melayu-Siam, akulturasi, peranan pemerintah, institusi ibadat dan hubungan kekeluargaan. Kesan interaksi antara budaya, masyarakat MTSK mengalami pengukuhan budaya, pengamalan nilai dan budaya bersama, kemunculan etnik Sam-sam, pengamalan budaya etnik Cina dan konflik terkawal. Implikasi terhadap proses interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat MTSK mampu memastikan kelangsungan survival khususnya dalam mempertahankan budaya yang diwarisi.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v

## INTERCULTURE INTERACTION OF MUKIM TELOI, SIK, KEDAH SOCIETY

### ABSTRACT

Interculture interaction is a process of finding at one or more of foreign cultures on the local community to create a varied pattern of life, diaspora and their uniqueness. Malaysia is a multi-ethnic society, during the process of building up the nation, various method such as assimilation, integration, amalgamation and acculturation are applied. Therefore, this study aimed to identify the interaction process among culture and its implications for the way of life of the community in Mukim Teloi, Sik, Kedah society (MTSK). A qualitative research including ethnography method comprised of field work, interview, questionnaires and library research was used in this study. This study involved two generations in the community which are the adults and the teenagers. Interaction between culture involved few villages which is Teloi Tua village, the village of Batu Lima, Changhai village, Charok Padang village, Bandar Hilir village, Begia village, Charok Tok Uban village, Kerawai village and Tupai village. The findings of this study showed that interaction process among culture happened through few processes which are border terrier, migration, amalgamation of Malay-Siam, acculturation, role of rulers, religion and family relationship. On the other hand, this study also revealed that the effect of interaction process among culture of MTSK society has strengthened the intercultural interaction, co-operation in sharing the culture and the value, the emergence of Sam-sam ethnic, the practice of Chinese ethnic culture and the occurrence of controlled conflict. Implication on the process of intercultural interaction among MTSK community is able to ensure the survivability predominantly in maintaining the inherited culture.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
vi

## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv



05-4506832

**BAB 1**

pustaka.upsi.edu.my

**PENDAHULUAN**Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.2.1	Latar Budaya Masyarakat Malaysia	4
1.2.2	Pluralisme Budaya Malaysia	7
1.2.3	Latar Budaya dan Masyarakat MTSK	9
1.3	Penyataan Masalah	11
1.4	Persoalan Kajian	15
1.5	Skop dan Tumpuan Kajian	16
1.6	Kerangka Kajian	17
1.6.1	Budaya: Konsep dan Teori	18
1.6.2	Interaksi Antara Budaya: Latar Teori	22
1.6.3	Teori Fungsi Malinowski	27



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.6.4	Pertembungan Antara Budaya	31
-------	----------------------------	----

1.6.5	Ciri-Ciri Budaya	34
-------	------------------	----

1.6.6	Perubahan Sosial	37
-------	------------------	----

1.6.7	Analisis Teori	39
-------	----------------	----

1.7	Kepentingan Kajian	45
-----	--------------------	----

1.8	Kajian Terdahulu	47
-----	------------------	----

1.8.1	Identiti Masyarakat	48
-------	---------------------	----

1.8.2	Nilai dan Budaya	51
-------	------------------	----

1.8.3	Perpaduan	53
-------	-----------	----

1.8.4	Etnik	55
-------	-------	----

1.9	Metodologi Kajian	58
-----	-------------------	----

1.9.1	Etnografi	59
-------	-----------	----



1.9.3	Temu bual	65
-------	-----------	----

1.9.4	Sumber Primer dan Sumber Sekunder	67
-------	-----------------------------------	----

1.9.5	Komparatif	68
-------	------------	----

1.9.6	Kajian Rintis	69
-------	---------------	----

1.10	Batasan Kajian	71
------	----------------	----

1.11	Ringkasan Bab	72
------	---------------	----

## **BAB 2 LATAR BELAKANG MASYARAKAT MUKIM TELOI, SIK, KEDAH (MTSK)**

2.1	Pengenalan	74
-----	------------	----

2.2	Latar Belakang Pembentukan Masyarakat Malaysia	76
-----	--	----





2.3	Perkembangan Masyarakat Di Negeri Kedah	83
2.4	Lokaliti dan Geografi Daerah Sik	88
2.5	Kedudukan Geografi Mukim Teloi	92
2.5.1	Kedudukan Kampung-Kampung di MTSK	95
2.5.2	Penduduk dan Kependudukan di MTSK	97
2.6	Sistem dan Unit Pentadbiran Mukim Teloi	99
2.6.1	Penghulu Mukim	100
2.6.2	Ketua Kampung	102
2.6.3	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)	103
2.6.4	Jawatankuasa-Jawatankuasa Lain	104
2.7	Kawasan Perumahan Penduduk di MTSK	105
2.8	Institusi Kekeluargaan Masyarakat MTSK	109
2.9	Pusat Pertemuan Masyarakat MTSK	117
2.10	Sistem Ekonomi Masyarakat MTSK	118
2.10.1	Pertanian dan Perladangan	119
2.10.2	Penternakan	123
2.10.3	Dusun Buah-buahan	124
2.10.4	Pertukangan	125
2.10.5	Berniaga	126
2.10.6	Industri Kecil dan sederhana	128
2.10.7	Pasar Siang, Pasar Malam dan Pasar Ramadan	128
2.11	Pendidikan Masyarakat MTSK	130
2.12	Agama dan Kepercayaan	133
2.13	Kemudahan Infrastruktur	135



**BAB 3 PROSES INTERAKSI ANTARA KALANGAN MASYARAKAT MTSK DALAM**

3.1	Pegenalan	138
3.2	Interaksi Antara Budaya Di Malaysia	140
3.3	Interaksi Antara Budaya Di Negeri Kedah	151
3.4	Proses dan Bentuk Interaksi Antara Budaya di MTSK	156
3.4.1	Persempadanan	160
3.4.2	Proses Migrasi Penduduk	168
3.4.3	Proses Amalgamasi Melayu-Siam	174
3.4.4	Proses Akulturasi	177
3.4.5	Peranan Pemerintah	182
3.4.6	Institusi Ibadat	186
3.4.6.1	Masjid dan Surau	187
3.4.6.2	Wat Siam	190
3.4.7	Hubungan Kekeluargaan Masyarakat MTSK	193
3.4.7.1	Inter Budaya	194
3.4.7.2	Intra Budaya	196
3.5	Penutup	200

**BAB 4 KEMANDIRIAN MASYARAKAT MTSK SELEPAS MENGALAMI PROSES INTERAKSI ANTARA BUDAYA**

4.1	Pengenalan	202
4.2	Survival Budaya Masyarakat MTSK	206
4.2.1	Evolusi Masyarakat MTSK (Directional Processes)	208





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
X**4.2.2 Pengukuhan Budaya Inter Etnik** 215**4.2.2.1 Etnik Melayu** 217**4.2.2.2 Etnik Siam** 224**4.3 Pengukuhan Budaya Dalam Masyarakat MTSK** 228**4.3.1 Istilah Orang Teloi** 235**4.3.2 Akulturasi Budaya Masyarakat MTSK** 237**4.3.2.1 Pemujaan Roh Sawah** 238**4.3.2.2 Sistem Panggilan dan Gelaran Keluarga** 241**4.3.2.3 Adat Memakan Sirih** 242**4.3.2.4 Seni Busana dan Pemakaian** 244**4.3.2.5 Wayang Kulit Gedek** 246**4.3.2.6 Seni Mempertahankan Diri** 249

05-4506832



pusta4.4psi.e

**Etnik Sam-Sam di MTSK (Kesan Amalgamasi)**

aTBainun



ptbupsi

**4.5 Etnik Cina di MTSK** 256**4.6 Konflik Dalam Kalangan Masyarakat MTSK** 258**4.6.1 Perspektif Negatif Terhadap Etnik** 258**4.6.2 Penipisan Bahasa Dialek** 263**4.7 Penutup** 266**BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN****5.1 Pengenalan** 268**5.2 Rumusan Kajian** 274**5.3 Cadangan Kajian Akan Datang** 287

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xi

## RUJUKAN

290



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xii

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Kaji Selidik Berstruktur dan Tidak Berstruktur Mengikut Kaum	64
1.2 Temu bual Terancang dan Tidak Terancang Masyarakat MTSK	67
1.3 Kaji Selidik Berstruktur Mengikut Kaum (Kajian Rintis)	70
3.1 Perbezaan dialek di antara masyarakat di MTSK di bahagian Utara dan di bahagian Selatan	166



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Teori Fungsi Malinowski	31
2.1 Peta Malaysia	82
2.2 Peta Negeri Kedah Darul Aman	87
2.3 Peta Daerah Sik, Kedah Darul Aman	91
2.4 Peta Mukim Teloj, Sik, Kedah Darul Aman	94
2.5 Kedudukan Kampung-kampung di MTSK	96
2.6 Kedudukan Rumah di Kampung Kerawai, MTSK	108
2.7 Kedudukan Rumah Berasaskan Keluarga di Kampung Teloj Tua, MTSK	112
3.1 Peta Pengaruh Budaya Asing ke atas Kepulauan Nusantara	150
3.2 Jajaran Sungai Muda Yang Merangkumi Sungai Chepir	161
3.3 Lakaran Pengaruh Interaksi Antara Budaya di MTSK Mengikut Pembahagian Kawasan	167
4.1 Evolusi Masyarakat MTSK	215
4.2 Susur Galur Keluarga Sam-sam Encik Zulkifli Haji Isa	256





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiv

## SENARAI SINGKATAN

BN	Barisan Nasional
DUN	Dewan Undangan Negeri
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
GO	Badan Kerajaan
HMM	Hikayat Merong Mahawangsa
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JP	Jawatankuasa Penduduk



05-4506832

MADA  
pustaka.upsi.edu.myLembaga Kemajuan Pertanian Muda  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

MARA	Majlis Amanah Rakyat
MDS	Majlis Daerah Sik
MTSK	Mukim Teloik, Sik, Kedah
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
NNMTB	Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
PMPK	Pemaju Masyarakat Pekebun Kecil
RISDA	Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RT	Rukun Tetangga
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
1

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pengenalan

Pola kehidupan manusia merangkumi yang aspek budaya iaitu politik, ekonomi dan sosial merupakan gambaran keseluruhan kepada identiti sesebuah masyarakat. Ini bermakna budaya adalah agen dalam menentukan status dan martabat sesebuah masyarakat dan bangsa. Gambaran budaya dikenalpasti melalui interaksi dan perlakuan manusia dalam sesebuah masyarakat bagi memastikan kemandirian dan keharmonian tercapai secara menyeluruh. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa budaya merupakan “satu himpunan kelengkapan intelektual dan kebendaan yang mampu memenuhi kehendak biologi dan kemasyarakatan serta menyesuaikan diri dengan alam sekeliling” (Mohd Taib Osman, 1988, ms. 171). Ini jelas menunjukkan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



bahawa memahami budaya sememangnya perlu dalam mengenali gerak laku masyarakat.

Dalam membincangkan peradaban sesebuah masyarakat, tumpuan perlu berfokus kepada tret-tret budaya iaitu sistem penempatan, sistem kekeluargaan, sistem tulisan, keagamaan, organisasi sosial, pengkhususan pekerjaan dan seni bina. Perkara ini dapat dilihat dengan kelahiran beberapa buah tamadun dunia awal yang terkenal dengan mengamalkan tret budaya yang tinggi iaitu tamadun Mesopotamia, tamadun Mesir, tamadun Indus dan tamadun Hwang Ho. Ukuran kepada keunggulan tamadun awal ini dinilai melalui kesan dan manfaat yang diperolehi daripada tret budaya sehingga membentuk survival dan ketahanan dalam sesebuah masyarakat. Malah, sesebuah masyarakat mula berinteraksi dan saling mempengaruhi apabila



kepentingan budaya dari segi politik, ekonomi dan sosial mampu memenuhi kelangsungan hidup. Dalam hal ini, penyebaran dan interaksi antara budaya boleh berlaku disebabkan oleh beberapa faktor utama iaitu perluasan kuasa, migrasi dan imigran, pusat perdagangan dan pusat keilmuan penting dunia.

Menerusi proses interaksi, pola kehidupan sesebuah masyarakat telah menghasilkan dinamika dan keragaman dalam tret-tret budaya. Ini kerana proses interaksi antara budaya akan berlaku dalam dua situasi iaitu situasi penerimaan dan situasi penolakan. Situasi penerimaan dan penolakan dalam interaksi antara budaya memberi kesan kepada keseluruhan aspek kehidupan bermasyarakat. Ini bermakna situasi penerimaan dan penolakan budaya berlaku apabila proses komunikasi antara kelompok manusia berlangsung dalam aspek pentadbiran, perdagangan, pendidikan dan keagamaan.





Penerimaan dan penolakan budaya turut menyebabkan berlakunya empat proses kebudayaan penting iaitu asimilasi, akulturas, amalgamasi dan integrasi.

Berdasarkan proses kebudayaan pula, pembentukan identiti terhadap sesebuah masyarakat dapat dikenalpasti melalui beberapa tret budaya iaitu pentadbiran, agama dan kepercayaan, teknologi, kekeluargaan, kesenian, ilmu pengetahuan, ekonomi dan pengkhususan pekerjaan. Dengan itu, kajian ini akan menilai dan menganalisis proses interaksi antara budaya yang berlaku dalam kalangan masyarakat MTSK. Keseluruhan cara hidup masyarakat MTSK dapat digambarkan melalui kaedah interaksi antara budaya dan kesanya kepada pembinaan budaya masyarakat di kawasan tersebut.



## 1.2 Latar belakang kajian

Interaksi sememangnya perlu dalam sesebuah masyarakat bagi meneruskan pola kehidupan. Bagi tujuan itu, sesebuah masyarakat akan berinteraksi dengan pelbagai kelompok manusia yang lain demi memastikan kelangsungan budaya asal mampu dipertahankan. Proses tersebut dikenali sebagai interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat di sesebuah wilayah dan kawasan. Interaksi antara budaya ini berlangsung dalam dua skala iaitu skala merentasi fizikal dan skala merentasi budaya. Pertama, interaksi merentasi fizikal di Malaysia dapat diteliti melalui pengaruh budaya berdasarkan persempadanan negeri iaitu antara budaya Kedah dengan budaya Perlis, budaya Kelantan dengan budaya Terengganu dan budaya Selangor dengan budaya Perak.





Sementara itu, interaksi merentasi budaya pula dapat dikenalpasti melalui kemasukan budaya asing yang bersifat non-material iaitu sistem agama dan kepercayaan. Di Nusantara, kemasukan agama yang pelbagai iaitu agama Hindu-Buddha dan agama Islam telah melahirkan peradaban masyarakat yang dinamika dan diaspora. Dalam konteks kajian ini di MTSK, asas menentukan identiti dan peradaban masyarakat turut melibatkan kedua-dua pengaruh interaksi tersebut iaitu merentasi fizikal dan merentasi budaya. Berdasarkan kepada proses interaksi antara budaya tersebut, faktor-faktor penerimaan dan penolakan budaya, ciri-ciri budaya, kaedah interaksi antara budaya dan kesan serta manfaat interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat di MTSK boleh dikenalpasti melalui cara hidup masyarakat di dalamnya.



### 1.2.1 Latar budaya masyarakat di Malaysia

Di Malaysia, interaksi antara budaya telah berlaku sepanjang proses pembinaan negara bangsa sebelum dan selepas kemerdekaan merentasi sempadan dan antarabangsa. Pembinaan negara bangsa di negara ini melibatkan beberapa proses interaksi antara budaya yang pelbagai iaitu budaya Hindu-Buddha dan budaya Islam. Kehadiran interaksi antara budaya ini dapat diteliti melalui dua sudut iaitu interaksi antara budaya sempadan dan interaksi antara budaya antarabangsa. Ini bermakna interaksi antara budaya dapat dinilai dan diukur melalui pengaruh persempadanan dalam negeri ataupun sempadan antarabangsa yang boleh menentukan status budaya yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat.





Pembentukan kerajaan Melayu Lama di Malaysia iaitu Kedah Tua, Melaka, Johor-Riau, Pahang dan Terengganu sememangnya dipengaruhi oleh kebudayaan luar hasil interaksi antara budaya masyarakatnya dengan masyarakat asing yang mempunyai taraf budaya lebih tinggi. Interaksi antara budaya dalam pembentukan kerajaan Melayu Lama dapat dinilai melalui pengaruh budaya asing ke atas keseluruhan cara hidup masyarakat Melayu meliputi sistem pentadbiran, agama, bidang kesusastraan, kesenian, pakaian, adat resam dan gaya kehidupan sehari-hari.

Malah, kehadiran kuasa penjajah ke Tanah Melayu sekitar awal abad ke-19 khususnya kolonial British telah membawa perubahan budaya yang ketara dalam kalangan masyarakat Melayu. Perubahan budaya tersebut berupaya mempengaruhi kehidupan dari sudut sistem pemerintahan, gaya pemikiran, sistem ekonomi, sistem pendidikan dan sistem perundungan.

Faktor utama membawa kepada perubahan budaya di Tanah Melayu hasil daripada tindakan British iaitu mendesak masyarakat Melayu menerima pembaharuan yang dilakukan secara menyeluruh. Desakan untuk berubah telah menyebabkan proses interaksi antara budaya di Malaysia turut melalui jalan konflik apabila perubahan yang dilakukan oleh bangsa penjajah dalam aspek politik, ekonomi dan sosial telah bercanggah dengan kehidupan masyarakat asal.

Setelah 56 tahun Malaysia memperolehi kemerdekaan dan bebas daripada cengkaman penjajah, interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat di negara ini masih diteruskan dan berlangsung dengan lebih meluas dan aktif. Melalui proses asimilasi dan integrasi budaya, masyarakat





pelbagai etnik di negara ini telah mempunyai peluang dan ruang yang lebih besar untuk terus berinteraksi demi memastikan kelangsungan budaya. Proses interaksi antara budaya masyarakat asal iaitu etnik Melayu ternyata berupaya mempengaruhi pola kehidupan masyarakat minoriti iaitu etnik Cina dan etnik India melalui usaha kerajaan melaksanakan dasar-dasar kerajaan selepas merdeka. Dasar Pendidikan 1961, Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963, Rukun Negara 1970, Dasar Kebudayaan 1973 dan Wawasan 2020 dirangka serta dilaksanakan demi membentuk struktur interaksi budaya pelbagai etnik sehingga berjaya membina identiti bangsa Malaysia. Abdul Rahman Embong (2001) menjelaskan bahawa:

...bangsa yang terdiri daripada semua kaum di Malaysia yang terbentuk dalam sejarah dan mempunyai perasaan sebangsa dengan nama kolektif yang sama serta berkongsi wilayah, ekonomi, budaya dan nasib masa depan dengan rupa bangsa yang sepunya. (ms.30)



Berdasarkan penyataan di atas, identiti masyarakat Malaysia tidak boleh terbentuk sekiranya proses interaksi skala besar berpanjangan antara budaya tidak berlangsung secara baik dan harmoni. Sikap toleransi dan kesepakatan masyarakat majoriti serta minoriti dalam menerima perubahan budaya mampu menjadikan Malaysia salah sebuah negara kepelbagaian etnik yang harmoni dan aman. Penerimaan masyarakat minoriti terhadap kebudayaan asal negara ini adalah hasil interaksi antara budaya melalui jalan damai dan persetujuan pada tahun 1957 berdasarkan lima peruntukan utama Perlembagaan Persekutuan Malaysia iaitu bahasa, agama, hak keistimewaan orang Melayu, kewarganegaraan dan hak kebebasan asasi (Abdul Rahman, 2014).





Tidak dinafikan bahawa masalah perkauman melibatkan etnik majoriti dan minoriti terus menerus berlaku dalam pembinaan negara bangsa Malaysia. Namun, usaha-usaha menyatupadukan kepelbagaian etnik di Malaysia dari akar umbi dilaksanakan oleh pemerintah. “Usaha ini dimulai dengan pendidikan berasaskan nilai sejarah Tanah Melayu” (Husin Ali, 1984, ms. 277). Tujuan utama pendidikan berasaskan nilai sejarah Tanah Melayu diterapkan dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah bermula tahun 1957 demi memastikan perpaduan dicapai seterusnya matlamat gagasan Wawasan 2020 direalisasikan. Secara tidak langsung peluang kerajaan dalam mendidik generasi muda pelbagai etnik di Malaysia dalam memahami kepentingan identiti nasional serba sedikit mampu mengatasi konflik dan pergeseran antara etnik.



### 1.2.2 Pluralisme budaya Malaysia

Malaysia merupakan sebuah negara yang didiami oleh pelbagai jenis ras, etnik dan suku di dalamnya. Kepelbagaian kelompok masyarakat Malaysia menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang beridentitikan pluralisme. Menurut Furnivall (1948), masyarakat pluralisme didefinisikan sebagai:

... plural society as a whole comprising separate groups, we may find the nearest analogy in a confederation off allied states, united by treaty or within the limits of formal constitution merely for certain common ends, but otherwise, in matters outside the terms of union, each living its own life as a separate province. (p. 307)

Berdasarkan penyataan di atas, pluralisme merujuk kepada satu kelompok masyarakat yang pelbagai dan terpisah dari segi ekonomi dan sosio





budaya tetapi berada di bawah sebuah pemerintahan dan pentadbiran yang sama. Walaupun kelompok ini berada di bawah pemerintahan yang sama, semangat etnik dan etnosentrisme terus menerus berlaku sehingga wujudnya masalah perpaduan dan pergeseran budaya. Dalam konteks negara moden, masyarakat pluralisme dapat dicirikan sebagai masyarakat pelbagai etnik, agama, bahasa dan budaya. Kepelbagaiannya tret budaya yang ditunjukkan dalam kalangan masyarakat pluralisme akan membentuk interaksi antara budaya dan seterusnya, menjadikan masyarakat di dalamnya beridentiti melalui pelbagai dasar politik, ekonomi dan sosial yang ditentukan oleh sesebuah pemerintah yang berautoriti iaitu kerajaan.

Masyarakat plural di Malaysia sudah bermula seawal pembentukan

empayar Melaka sekitar abad ke-14 dan abad ke-15. Pembentukan masyarakat



plural dalam empayar Melaka berdasarkan prinsip merantau. "Prinsip merantau

dalam empayar Melaka di sebabkan oleh aktiviti perdagangan, penyebaran

agama, meneroka, menuntut ilmu dan berkahwin dengan wanita tempatan

serta menetap di Melaka dalam jangka masa yang begitu lama" (Nazarudin

Zainun, Rahimah A. Hamid dan Mohd Kipli Abdul Rahman, 2015, ms. 70).

Sebagai contohnya, aktiviti perdagangan di perlabuhan entrepot Melaka telah

membawa masuk pelbagai budaya masyarakat asing akhirnya berjaya

mempengaruhi cara kehidupan masyarakat setempat. Sebenarnya, perubahan

pola kehidupan masyarakat setempat Melaka berlaku melalui proses difusi dan

akomodasi. Penyebaran budaya melalui prinsip merantau oleh pedagang-

pedagang melalui urusan perniagaan dan hubungan perkahwinan campur

antara pedagang dengan wanita tempatan telah melahirkan satu kelompok

masyarakat baharu iaitu masyarakat Baba-Nyonya dan masyarakat Ceti.





Masyarakat baharu tersebut yang terbentuk melalui akomodasi telah mengekalkan agama asal yang dianuti tetapi mengolah dan memperbaharui tret-tret budaya lain iaitu cara pemakaian, bahasa, makanan, kesenian dan adat resam.

Sementara itu, pluralisme dalam masyarakat di Tanah Melayu terus berlangsung dan terbentuk apabila British berjaya menguasai Tanah Melayu sekitar abad ke-19 melalui Perjanjian Pangkor 1874. Pengenalan sistem ekonomi terbuka oleh kolonial British telah membawa masuk buruh asing dari China dan India secara beramai-ramai melalui Undang-undang Buruh pada tahun 1899 dan Undang-undang Buruh tahun 1922. Melalui dasar ekonomi secara terbuka, British telah melaksanakan Dasar Pecah Perintah dengan memperkenalkan kaedah pengkhususan pekerjaan berdasarkan fungsi-fungsi ekonomi iaitu etnik Melayu melakukan aktiviti pertanian di desa, etnik India bekerja sebagai buruh ladang manakala etnik Cina bekerja sebagai buruh lombong. Kehadiran buruh-buruh Cina dan India ketika pemerintahan British secara puratanya telah mengubah pola budaya dan kependudukan masyarakat di Tanah Melayu dalam beberapa aspek seperti diaspora budaya, perubahan pemikiran tentang masyarakat, perubahan sistem kemasyarakatan dan pembaharuan dalam sistem kependudukan di Tanah Melayu.

### 1.2.3 Latar budaya dan masyarakat Mukim Teloj, Sik, Kedah (MTSK)

Masyarakat merupakan kelompok manusia yang saling berinteraksi, memerlukan dan saling memahami di antara satu sama lain demi memastikan





survival dari segi politik, ekonomi dan sosial di sesebuah wilayah ataupun kawasan. Rahimah dan Mohamad Yusoff (2000) mentakrifkan masyarakat sebagai “satu kumpulan manusia yang berinteraksi dalam sesebuah kawasan atau sempadan yang telah ditetapkan dan dibimbang oleh satu budaya yang dikongsi bersama” (ms.7). Dalam hal ini masyarakat di MTSK turut digambarkan sebagai kumpulan manusia yang mempunyai pola kehidupan berasaskan tradisi lampau yang diolah dan diubahsuai berasaskan penerimaan, kemahuan dan situasi masyarakat di dalamnya.

Umumnya, MTSK merupakan salah sebuah wilayah kecil bertaraf mukim yang berada di bawah pusat pemerintahan dan pentadbiran kerajaan tempatan daerah Sik, Kedah. Mukim Teloi merupakan sebuah kawasan yang

diliputi hutan dan tanah pertanian yang subur serta berada dikedudukan yang strategik dari segi geografinya iaitu bersempadan dengan daerah Kuala Muda, merentasi Sungai Cepir dan berhampiran dengan daerah Baling.

Kedudukannya yang berada ditengah-tengah atau berjiranan dengan dua daerah membolehkan interaksi antara budaya dari luar memasuki Mukim Teloi dan mempengaruhi gaya hidup masyarakat di dalamnya. Secara keseluruhannya, terdapat 23 buah kampung di mukim tersebut iaitu Kampung Teloi Tua, Kampung Cepir, Kampung Joget, Kampung Kerawai, Kampung Charok Tok Uban, Kampung Charok Tualang, Kampung Charok Pasir, Kampung Tanah Liat, Kampung Bandar Hilir, Kampung Batu Besar, Kampung Selamat, Kampung Begia, Kampung Batu Lima, Kampung Sri Blukar, Kampung Lubuk Pagar, Kampung Lahar, Kampung Tanjung Besar, Kampung Baru Sri Dacing, Kampung Simpang Tiga Begia, Kampung Hujung Bandar, Kampung Merbau Kudung, Kampung Batu Dua Sungai Pau dan





Kampung Tupai. Di samping itu, MTSK didiami oleh tiga etnik utama iaitu Melayu, Siam dan Cina dengan menjalankan aktiviti ekonomi seperti pertanian, perladangan, penternakan, pertukangan, perniagaan dan membuka bengkel.

### 1.3 Penyataan masalah

Pada hakikatnya, interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat MTSK berlaku secara terus menerus dan seringkali berubah-ubah demi meningkatkan status masyarakat dan bangsa. Ini dapat dibuktikan melalui pengaruh dan cara pengamalan budaya dalam kalangan masyarakat MTSK melalui pola kehidupan harian. Namun begitu, terdapat beberapa permasalahan dalam



di MTSK. Menurut Huntington (2008), kepentingan budaya merujuk kepada sesuatu yang sangat memerlukan, mempunyai manfaat, faedah, keperluan, keuntungan dan kesejahteraan terhadap sesebuah masyarakat (Huntington, 2008).

Dalam membentuk sesebuah bangsa dan negara yang bertamadun, sesebuah masyarakat perlu berinteraksi antara satu sama lain. Ini kerana masyarakat merupakan kelompok manusia yang mengerakkan perubahan dalam peradaban dan kebudayaan sesebuah kawasan mahupun wilayah. Perubahan pemikiran dan cara hidup, kesan daripada interaksi budaya dalam kalangan masyarakat akan menyebabkan perubahan terhadap gaya dan pola kehidupan sesebuah kawasan, wilayah, negeri dan negara. Ini bermaksud





interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat khususnya MTSK akan terus menerus berlangsung seiring dengan kesanggupan sesebuah masyarakat menerima budaya asing sebagai pelengkap dan nilai tambah kepada kelangsungan budaya asal. Ini jelas menunjukkan bahawa perubahan masyarakat dan budaya dalam kalangan masyarakat di MTSK akan melahirkan kepelbagaian kebudayaan yang akan menentukan identiti, status dan martabat masyarakat tersebut secara umumnya.

Interaksi antara budaya merupakan asas kepada pembentukan dan pengukuhan identiti sesebuah masyarakat. Ciri-ciri sesebuah masyarakat yang berbudaya dapat dinilai melalui beberapa aspek penting seperti agama, bahasa, kesenian dan aktiviti harian. Dalam hal ini, ukuran kepada kekuatan dan pengaruh sesuatu budaya boleh mengubah keadaan sesebuah masyarakat terutamanya masyarakat di MTSK dan perkara ini perlu dianalisis sewajarnya.

Ini kerana asas perubahan budaya masyarakat MTSK perlu menggunakan kaedah atau cara interaksi antara budaya melalui cara penerimaan, pengolahan, pengubahsuaian, penghapusan, paksaan dan kekerasan.

Interaksi antara budaya berlaku dalam dua keadaan iaitu penerimaan dan penolakan terhadap budaya asing dalam kalangan ahli masyarakat setempat. Penerimaan budaya asing oleh sesebuah masyarakat termasuklah masyarakat di MTSK melalui empat kaedah iaitu persempadanan, migrasi, akulturasi dan asimilasi. Penerimaan budaya asing oleh masyarakat MTSK berlaku apabila ahli-ahli di dalamnya mempersetujui nilai-nilai yang perlu diamalkan. Budaya asing yang berjaya diasimilasikan dalam kehidupan masyarakat terjadi apabila sifat-sifat toleransi dan komunikasi yang baik





berjaya diwujudkan. Sifat toleransi dalam menerima budaya asing berlaku disebabkan oleh keterbukaan masyarakat setempat dalam menyesuaikan budaya asing dengan budaya asal demi kelangsungan hidup. Di MTSK, kebudayaan etnik Melayu dan etnik Siam berjaya mempengaruhi kehidupan masyarakatnya apabila sifat keterbukaan dan toleransi budaya telah diamalkan sejak sekian lama. Persetujuan dan penerimaan budaya asing oleh masyarakat MTSK secara tidak langsung berjaya membentuk budaya masyarakat yang unik di daerah Sik, Kedah.

Penolakan budaya asing oleh masyarakat dikenali sebagai konflik budaya. Konflik budaya merupakan cabaran besar dalam merealisasikan masyarakat MTSK yang harmoni dan sejahtera. Dua konflik budaya dapat dijelaskan iaitu konflik budaya bersifat terkawal dan konflik budaya bersifat tidak terkawal. Konflik budaya bersifat terkawal dapat terjemahkan apabila masyarakat yang dihadapkan dengan sesuatu budaya asing menerima dengan syarat tertentu. Sebagai contohnya, pemerintah sesebuah masyarakat telah menetapkan budaya. Sepertimana itu, konflik bersifat tidak terkawal merujuk kepada penentangan budaya asing yang bersifat ektrisme. Dalam konteks tersebut, masyarakat yang berhadapan dengan konflik tersebut akan melakukan penganiayaan secara fizikal dan mental terhadap etnik yang lain disebabkan oleh sifat etnosentrisme. Impaknya, masalah seperti diskriminasi etnik, rusuhan etnik, syak wasangka keterlaluan akan berlaku yang akhirnya menyukarkan proses interaksi budaya.

Ternyata konflik memberi impak yang positif dan negatif dalam perkembangan budaya sesebuah masyarakat. Impak yang positif dan negatif





menjadikan masyarakat berupaya memperkuatkan cara hidup demi kelangsungan budaya. Hal ini kerana budaya yang baik berperanan dalam menentukan kelangsungan cara hidup sesebuah masyarakat. Dengan kata lain, konflik budaya yang berlaku dalam kalangan masyarakat mampu mengubah status masyarakat tersebut samada baik ataupun buruk. Konflik turut menyebabkan masyarakat di dalam sesebuah kawasan dan wilayah akan cuba untuk menerima, mempertahankan, menyesuaikan dan memperbaharui budaya yang sedia ada agar kelompok masyarakat tersebut mampu berhadapan dengan cabaran cara hidup pada masa hadapan.

Selain itu, simbol budaya memainkan peranan penting dalam menentukan ketinggian budaya sesebuah masyarakat yang berhadapan dengan interaksi antara budaya. Simbol budaya sesebuah masyarakat dapat dianalisis dan dinilai melalui tret-tret budaya yang diamalkan iaitu dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Simbol budaya dalam kalangan masyarakat MTSK dikenalpasti melalui dua perkara iaitu inter-masyarakat dan intra-masyarakat. Berdasarkan inter-masyarakat, etnik Melayu dan etnik Siam menjadi agama Islam dan agama Buddha sebagai simbol budaya masing-masing. Sementara itu, simbol budaya bersifat intra-masyarakat dinilai apabila masyarakat MTSK berhadapan dengan proses interaksi antara budaya seperti difusi, asimilasi dan akulterasi budaya.

Tidak dinafikan bahawa proses interaksi antara budaya akan terus menerus berlaku dalam kalangan masyarakat khususnya masyarakat pelbagai etnik terutamanya di Malaysia. Proses interaksi budaya berupaya mewujudkan perpaduan iaitu semangat kerjasama dan saling melengkapi antara satu sama





lain sehingga membentuk budaya yang cemerlang atau *hadhari*. Kepelbagai etnik dan budaya menyebabkan kerajaan Malaysia berusaha membentuk identiti nasional melalui proses interaksi antara budaya iaitu melaksanakan integrasi budaya. Proses ini penting dalam pembinaan negara bangsa Malaysia merdeka kerana dasar penjajahan British pada abad ke-19 dan abad ke-20 telah memisahkan masyarakat pribumi dengan golongan imigran di Tanah Melayu. Mereka telah dipisahkan dengan budaya, cara hidup, sosial dan lokasi di dalam sesebuah pemerintahan dan pentadbiran. Dengan adanya proses interaksi antara budaya melalui kaedah integrasi budaya, masyarakat pelbagai etnik di Malaysia berusaha mengurangkan konflik, mendalamai budaya etnik berbeza dan menjunjung prinsip-prinsip negara bangsa yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia sehingga hari ini.



#### 1.4 Persoalan kajian

Dalam meneliti interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat khususnya di MTSK, timbul beberapa persoalan yang perlu diberikan perhatian seperti berikut:

- i. Adakah proses interaksi antara budaya akan berlaku tanpa henti dan secara berterusan dalam pola kehidupan sesebuah masyarakat.
- ii. Bagaimana interaksi antara budaya akan menyebabkan pertembungan, pengolahan dan penghapusan dalam pola kehidupan sesebuah masyarakat.





- iii. Adakah proses interaksi antara budaya akan memberi manfaat terhadap perkembangan budaya dalam kehidupan sesebuah masyarakat.

### 1.5 Skop dan tumpuan kajian

Kajian ini membincangkan tentang interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat di MTSK. Interaksi antara budaya ini tertumpu kepada proses penyebaran budaya yang pelbagai iaitu budaya Hindu Buddha, budaya Siam dan budaya Islam yang berjaya mempengaruhi kehidupan masyarakatnya dari segi politik, ekonomi dan sosial. Proses penyebaran iaitu interaksi antara budaya ini dikenalpasti melalui cara hidup sehari-hari berdasarkan tret-tret



budaya iaitu sistem pentadbiran, agama dan kepercayaan, hubungan kekeluargaan, bahasa dan komunikasi, nilai serta pendidikan.

Proses penerimaan dan pengamalan budaya ini akan dibincangkan secara terperinci dengan meneliti proses interaksi antara budaya yang wujud sehingga berupaya mempengaruhi dan mengubah struktur sosial masyarakat MTSK. Pengaruh interaksi antara budaya ini akan dianalisis melalui proses asimilasi, akulterasi, amalgamasi, peranan pemerintah, persempadan, migrasi dan pusat ibadat. Oleh itu, dalam meneliti interaksi antara budaya di MTSK tumpuan juga diberikan terhadap faktor-faktor kedatangan dan kesan pengaplikasian budaya dalam masyarakat asal mukim tersebut. Penelitian terhadap pengaruh interaksi antara budaya dalam kajian ini melibatkan pelbagai lapisan umur masyarakat di MTSK.





Penelitian interaksi antara budaya akan melibatkan beberapa buah kampung dan kawasan di mukim tersebut iaitu Kampung Teloj Tua, Kampung Bandar Hilir, Kampung Begia, Kampung Charok Padang, Kampung Kerawai, Kampung Batu Besar, Kampung Batu Lima, Kampung Joget dan Kampung Tupai. Kajian interaksi budaya ini juga mencakupi beberapa buah lokasi luar dari MTSK seperti Mukim Sik, Mukim Jenerih dan Mukim Sok. Tujuan lokasi luar penting dibincangkan kerana kawasan yang dinyatakan mempunyai hubung kait yang rapat dan mampu menghuraikan sejarah sebenar interaksi antara budaya di kawasan MTSK.

## 1.6 Kerangka kajian



Dalam meneliti interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat di MTSK, terdapat beberapa aspek penting yang perlu diberikan tumpuan iaitu konsep dan teori budaya, perbezaan interaksi budaya dan pertembungan budaya, perubahan masyarakat dan analisis teori budaya di MTSK. Ini bermakna interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat di MTSK akan berlandaskan konsep dan teori budaya sebagaimana yang diketengahkan oleh tokoh budaya iaitu Geertz (2008), Huntington (2008), Alo Liliweri (2005), Wan Abdul Kadir (2000), Sapir (1956) dan Malinowski (1944). Kajian juga akan meneliti secara terperinci ciri-ciri masyarakat di MTSK meliputi tret budaya seperti agama kepercayaan, sistem pentadbiran, bahasa, kesenian, kekeluargaan, pendidikan, cara hidup dan adat resam.





### 1.6.1 Budaya: konsep dan teori

Budaya adalah asas kepada pembentukan sesebuah masyarakat, bangsa dan negara secara menyeluruh. Budaya menjadi unsur penting dalam membentuk peradaban dan kemunculan sesebuah tamadun yang hebat dan unggul di atas muka bumi ini. Ini bermaksud budaya berfungsi sebagai elemen dalam memperkenalkan identiti sesebuah masyarakat mahupun bangsa dalam beberapa aspek iaitu politik, ekonomi dan sosial. Tret-tret budaya iaitu sistem kepercayaan, nilai, kesenian struktur sosial dan bahasa sememangnya jelas dalam menentukan herarki sesebuah masyarakat. Ini jelas menunjukkan bahawa tret budaya yang tonjolkan menjadi tanda aras dalam menentukan keunggulan dan kehebatan sesebuah masyarakat.



Dalam mengenali budaya sesebuah masyarakat, tret-tret budaya wajar diberikan tumpuan. "Sistem norma, organisasi ekonomi, mobiliti sosial dan organisasi politik merupakan tunjang dalam perkembangan budaya sesebuah masyarakat" (Malinowski, 1944, ms. 125-126). Ini kerana unsur tersebut mampu memberi gambaran awal tentang peradaban dan kebudayaan sesebuah masyarakat. Dalam menjustifikasi peradaban sesebuah masyarakat, perbezaan dari segi demografi, geografi dan situasi turut diambil kira.

Pertama, perbezaan demografi iaitu jumlah penduduk dan jenis penduduk di sesebuah kawasan turut mempengaruhi peradaban dan kebudayaan sesebuah kawasan. Ini kerana kependudukan merupakan asas kepada interaksi budaya bergerak lebih cepat dan mempengaruhi masyarakat setempat mahupun masyarakat luar. Malah, jenis penduduk yang sama dari segi keturunan, bahasa, agama, perilaku dan cara hidup harian turut





mempengaruhi interaksi antara budaya dan peradaban sesebuah masyarakat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui masyarakat kepulauan Nusantara iaitu Indonesia, Malaysia dan Selatan Thailand yang mengamalkan kebudayaan mirip dan hampir sama. Sebagai contohnya, masyarakat Indonesia, Selatan Thailand dan Malaysia merupakan bangsa dari suku Autronesia dan bertutur dalam bahasa Melayu-Polynesia.

Kedua, kedudukan geografi turut mempengaruhi interaksi budaya. Kedudukan sesebuah kawasan yang strategik iaitu menjadi tumpuan masyarakat luar dan pusat ekonomi utama sememangnya membentuk budaya yang beragam dan beraneka. Ini kerana kawasan laluan perdagangan contohnya, boleh membawa kehadiran imigran yang pelbagai dan saling berinteraksi antara satu sama lain. Ini dapat dilihat melalui empayar Melaka yang merupakan pusat perdagangan dan kebudayaan Islam sekitar abad ke-14 dan awal abad ke-15. Hasil daripada kedudukannya yang strategik iaitu berhampiran dengan Selat Melaka telah mewujudkan masyarakat baharu yang unik seperti Peranakan Cina, Peranakan India dan masyarakat Serani. Oleh itu, kedudukan sesebuah kawasan yang strategik menjadi asas kepada penyebaran budaya pelbagai dan beragam.

Sebenarnya, cerminan kepada budaya sesebuah masyarakat dapat diteliti melalui perilaku manusia. Menurut Geertz (2008), “tingkah laku seharusnya diberikan tumpuan dengan jitu kerana menerusi aliran tingkah laku, budaya dizahirkan” (ms.18). Ini bermaksud, budaya merangkumi kehidupan masyarakat yang kompleks meliputi cara memerhati, memahami dan berfikir tentang situasi kebudayaan, gelagat manusia dan pengamalan





budaya sesuatu masyarakat. Aliran tingkah laku yang dizahirkan boleh menjadi teras kepada kemajuan sesebuah bangsa dan negara. Pada masa yang sama, gelagat manusia yang pelbagai dan berbeza menjadikan kelompok manusia ini mempunyai keunikan masing-masing dan saling berinteraksi di antara satu sama lain demi memastikan kelangsungan sesebuah tamadun dan masyarakat.

Apabila menilai tindak tanduk manusia, terdapat dua aspek budaya yang wajar diperhatikan oleh masyarakat iaitu budaya bersifat material dan budaya bersifat non-material. Ini kerana aspek kebudayaan adalah penentu kepada pembinaan tamadun awal manusia dan sejarah permulaan sesebuah negara moden. Malah, perbezaan dua aspek budaya ini juga berjaya mempengaruhi kesatuan dan semangat etnisiti sesebuah bangsa mahupun negara. Oleh itu, budaya merupakan gambaran hidup sesebuah masyarakat merangkumi keseluruhan tatahidup, tatasusila dan aturan sosial.

Kehebatan sesebuah bangsa dan negara terletak pada nilai sejarah, jenis pembudayaan dan cara kehidupan yang diamalkan. Proses budaya dan pembudayaan merupakan agen dalam mengubah dan membentuk nilai-nilai norma masyarakat sesebuah negara. Hal ini diperkuatkan oleh Sapir (1956) yang berpendapat bahawa “budaya sesebuah masyarakat dipengaruhi oleh beberapa faktor penyebaran iaitu difusi, akomodasi, asimilasi, amalgamasi dan akulterasi” (ms.18). Berdasarkan empat faktor tersebut, kemunculan sesuatu masyarakat dapat dikelaskan mengikut kategori masyarakat masing-masing iaitu masyarakat bandaran, masyarakat luar bandar dan masyarakat pluralisme. Ini bermakna budaya tidak akan terbentuk dalam sesebuah masyarakat





sekiranya tiada kecenderungan untuk memilih dalam kelompok manusia dengan menggunakan faktor penyebaran tersebut.

Justeru itu, budaya berstatus tinggi dikenali sebagai tamadun. Dalam membentuk tamadun yang baik, tret budaya diperlukan iaitu tempat tinggal, kekeluargaan, sistem tulisan, agama, ilmu pengetahuan dan kesenian. Penggunaan tret budaya dalam sesebuah tamadun menjadi ukuran kelangsungan bangsa yang unggul dan terbilang. Hal ini diperkuuhkan oleh penyataan Mohd. Fauzi Hj. Yaacob (2009) yang meletakkan bahawa tamadun yang bersandarkan budaya adalah “tamadun yang komprehensif yang meliputi ideologi asas keimanan, kemerdekaan fikiran, keilmuan, ekonomi, pemerintahan yang adil, pembelaan wanita dan kelompok minoriti, keutuhan budaya dan moral, sehingga kepada pertahanan dan alam sekitar” (ms. 36).



Sementara itu, Islam pula melihat budaya sememangnya berkait rapat dengan kecemerlangan peradaban kelompok manusia dan masyarakat. Kecemerlangan iaitu *hadharinya* ketamadunan itu boleh diukur melalui ciri-ciri keunggulan dan keunikian tersendiri sesebuah tamadun yang ditonjolkan oleh masyarakat di dalamnya. Dalam hal ini, Mohd Roslan Mohd Nor (2010) menyatakan bahawa:

Tamadun yang unggul mempunyai asas-asas tersendiri. Sepanjang sejarah pemerintahan Islam, semenjak dari zaman Rasulullah s.a.w, Khalifah al-Rasyidin, Umayyah, Abasiyyah... ada beberapa ciri unik yang boleh dijadikan ikhtibar. Jika ditinjau dari aspek sejarah, antara ciri utama yang diberikan penekanan seperti keunggulan ilmu pengetahuan, kestabilan dalam sesebuah negara, kestabilan pemerintahan dan kekuatan pertahanan... (ms. 28-29)





Ini bermakna tret budaya seperti ilmu pengetahuan, ekonomi, pemerintahan dan sistem organisasi boleh membentuk masyarakat dan tamadun yang baik. Keunggulan sesebuah masyarakat dan ketamadunan boleh diukur melalui pengamalan serta pengubahsuaian tret budaya dalam memastikan manfaat diterima oleh kelompok manusia di sesebuah kawasan. Sebagai contohnya, kepakaran dalam ilmu pengetahuan, pertahanan, pembinaan, perubatan dan keagamaan telah menjadikan pemerintahan dan kerajaan Islam seperti Bani Umayyah, Bani Abbasiyah dan Turki Uthmaniayah digeruni dan dikenali oleh negara-negara barat.

### 1.6.2 Interaksi antara budaya: latar teori



mendorong dan menolak sehingga munculnya budaya yang beragam dan berbeza mengikut kawasan tertentu. Justeru, asas kepada pembentukan budaya dalam komuniti masyarakat selalunya disebabkan oleh ekonomi dan juga kekuasaan politik. Kekuatan ekonomi dan kekuasaan politik sesebuah masyarakat secara tidak langsung mempengaruhi masyarakat di kawasan lain untuk mengamalkan budaya yang sama ataupun hampir sama.

Interaksi antara budaya pada awalnya perlu dinilai dan diberi tumpuan dalam kalangan masyarakat asal. Ini kerana kewujudan budaya sesuatu masyarakat dapat dikenalpasti melalui kebudayaannya samada mengamalkan budaya asal ataupun menerima pengaruh budaya lain. Interaksi budaya secara





ringkasnya, didefinisi sebagai kepelbagaian budaya yang hadir di kawasan tertentu sehingga mempengaruhi kehidupan sehari-hari masyarakat asal. Ini menunjukkan bahawa interaksi antara budaya memberi banyak kesan positif serta menggalakan perkembangan budaya yang unik dalam kalangan masyarakat yang menerimanya. Kesan positif ini dikenali sebagai *penetration pacifique* iaitu interaksi budaya ini hadir dengan cara yang baik tanpa merosakkan identiti sebenar masyarakat. *Penetration pacifique* selalunya melibatkan tiga proses pembentukan iaitu asimilasi, akulterasi dan amalgamasi.

Proses pertama iaitu asimilasi berlaku apabila telah wujud interaksi antara dua atau lebih kebudayaan yang berbeza sehingga berjaya membentuk satu identiti masyarakat baru. Ini bermakna proses asimilasi berlaku dalam jangka masa yang panjang iaitu memerlukan dasar pemimpin, keterbukaan setiap kelompok manusia dan perpaduan yang jitu dalam membentuk mengubah struktur sebenar masyarakat. Dalam hal ini, “Indonesia contohnya menggunakan proses asimilasi dalam membentuk satu masyarakat dengan menggunakan pelbagai dasar kerajaan seperti ideologi negara dan dasar kebudayaan walaupun mempunyai kepelbagaian etnik” (Hidayat Zenal Mutakin, 1993, ms. 4). Dalam erti kata lain, asimilasi berlaku apabila sesuatu kelompok majoriti mahupun minoriti menampilkkan rasa hormat dan toleransi diantara satu sama lain, berinteraksi tanpa konflik yang akhirnya membentuk masyarakat campuran dengan satu identiti yang baru.

Kedua, interaksi antara budaya menggunakan jalan damai turut belaku secara proses akulterasi. Proses akulterasi merupakan proses penerimaan





unsur kebudayaan dalam kalangan individu atau kelompok dari sesuatu kebudayaan lain yang berbeza. Akulturasi terbentuk apabila “satu kelompok manusia dengan kebudayaan tertentu dihadapkan dengan unsur dari suatu kebudayaan asing yang berbeza sehingga unsur kebudayaan asing itu akhirnya diterima dan diolah dalam kebudayaan sendiri” (Alo Liliweri, 2005, ms. 328). Proses ini dapat dilihat melalui cara hidup orang Melayu yang banyak dipengaruhi oleh kebudayaan Hindu seperti adat perkahwinan, pemakaian kain pelikat, memakai inai dan melenggang perut. Ini bermakna akulturasi berlaku apabila pegaruh kebudayaan dari satu pihak yang lebih tinggi berbanding dengan kebudayaan masyarakat penerima.

Ketiga, amalgamasi turut wujud dalam sesebuah masyarakat melalui

interaksi antara budaya menggunakan jalan damai. Ini bermaksud proses pembentukan sesebuah masyarakat berlaku apabila budaya atau ras bercampur untuk membentuk jenis budaya dan ras baru (Frans Hendra Winarta, 2009).

Proses tersebut dapat dikenalpasti melalui perkahwinan campur antara kumpulan-kumpulan etnik yang akan membentuk satu masyarakat baharu dan dikenali dengan nama yang baru. Proses amalgamasi ini dapat diteliti melalui teori amalgamasi ialah  $A+B+C=D$ . Keterangannya ialah A,B, dan C mewakili kumpulan etnik berlainan dan D mewakili amalgamasi, satu kumpulan baru terhasil daripada penyatuan A,B dan C. Contohnya, kumpulan-kumpulan etnik yang sedia wujud mengamalkan perkahwinan campur akan membentuk satu generasi baru atau budaya baru tanpa menuruti budaya asal mereka. Masyarakat yang mengalami proses ini di Malaysia seperti etnik Baba Nyonya dan Ceti.





Perkara ini jelas menunjukkan bahawa penyebaran budaya sememangnya melalui proses yang pelbagai dan memberi impak yang berbeza terhadap sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, proses penyebaran budaya dengan menggunakan cara damai lebih memberi kesan positif terhadap survival sesebuah masyarakat berbanding konflik yang membawa pelbagai masalah kepada kelompok masyarakat. Malah, kemasukan budaya asing ke dalam sesebuah masyarakat asal menggunakan cara damai akan diterima sebaiknya oleh sesebuah masyarakat selagi tidak bercanggah dengan matlamat dan prinsip asas kepercayaan awal serta pegangan nilai sesebuah masyarakat. “Budaya asing yang diterima secara sukarela boleh membentuk masyarakat kacukan atau *hibrid* iaitu menonjolkan ciri-ciri campuran dalam unsur-unsur budaya yang pelbagai dari segi agama, bahasa, kesenian dan pendidikan”



Namun begitu, proses penyebaran atau interaksi budaya asing dalam kehidupan sesebuah masyarakat tidak sahaja berlaku dalam keadaan yang harmoni. Sebaliknya, proses penyebaran budaya juga boleh membawa konflik dan masalah budaya dalam sesebuah masyarakat asal. Ini kerana budaya yang berhadapan dengan konflik selalunya bertentangan dengan kemahuan, kehendak dan keperluan kehidupan masyarakat induk. Bagi masyarakat asal, penolakan dilakukan atas kekhuitiran iaitu budaya asing boleh menjelaskan identiti asal dan memberi kesan negatif dari segi politik, sosial dan ekonomi.

Dalam keadaan yang lebih ekstrim, penolakan budaya asing ini boleh terjadi melalui perang, penentangan agresif dan pemberontakan. Selalunya, penolakan secara agresif terhadap budaya asing berlaku apabila





kaedah interaksi budaya secara kekerasan dan paksaan berlaku. Kaedah kekerasan dan paksaan dalam penyebaran budaya dikenali sebagai *penetration violante*. Proses kekerasan ini dikenalpasti melalui cara imprealisme, kolonialisme dan peperangan. Ini menunjukkan bahawa interaksi budaya bukan sahaja terjadi di kawasan asal sebaliknya turut dipengaruhi faktor luar yang membantu membentuk budaya baru.

Ini jelas menunjukkan bahawa interaksi budaya berlaku apabila sekelompok manusia dihadapkan dengan satu budaya asing yang boleh memberi pengaruh besar samada positif atau negatif dalam sesebuah masyarakat asal. Keberkesanan budaya asing berinteraksi dengan masyarakat asal diteliti melalui jumlah manusia penerima, komunikasi warga, dan kekuatan elemen budaya asing dalam mempengaruhi tingkat kehidupan kelompok manusia asal di sesebuah kawasan. Ini bermakna interaksi budaya dalam kalangan masyarakat majoriti dan minoriti begitu penting untuk diperhatikan. Berdasarkan catatan sejarah sekitar abad ke-12 sehingga abad ke-14, kekuatan jumlah masyarakat (majoriti) sesebuah kerajaan atau empayar di Kepulauan Nusantara mampu mempengaruhi kerajaan-kerajaan kecil (minoriti) dalam penyebaran budaya. Sebagai contohnya, interaksi budaya induk yang disebarluaskan melalui agama Islam oleh empayar Melaka terhadap kerajaan-kerajaan kecil sekitar Kepulauan Indonesia seperti Damak, Jambi, Srivijaya dan Temasik (Tarling, 1992).

Umumnya, interaksi antara budaya ini lebih merujuk kepada pengaruh sesebuah budaya asing telah berjaya mempengaruhi soal kehidupan sesebuah masyarakat keseluruhan. Perkara ini dinyatakan dalam tulisan Gosling (1964)





iaitu “house, dress, food, language, and many custom are already Malay, and a great deal of biological assimilation also taken place...the language used family life, social order and religion are still Chinese” (p. 214).

Berdasarkan penyataan tersebut, proses interaksi antara budaya terjadi secara semulajadi atau *natural* memberi kesan lebih baik dan positif dalam kehidupan sesuatu masyarakat. Ini bermaksud budaya semulajadi ini akan disesuaikan dan diolah agar kebudayaan induk ataupun minoriti mampu seiring dan bersaing dengan budaya lain demi kelangsungan sesebuah tamadun dan peradaban bangsa.

### 1.6.3 Teori Fungsi Malinowski



Tret-tret budaya merupakan simbol penting dalam menentukan status budaya sesebuah masyarakat. Apabila masyarakat dihadapkan dengan proses interaksi antara budaya, tret-tret budaya akan dinilai oleh para pengkaji iaitu aspek politik, ekonomi dan sosial. Malah, tret-tret budaya yang diamalkan oleh masyarakat adalah berfungsi sebagai memenuhi keperluan dan kehendak biologi manusia. Malinowski dalam Rahimah dan Mohamed Yusoff (2000) menyatakan bahawa “setiap tret-tret budaya yang diamalkan oleh masyarakat sesebuah kawasan mempunyai fungsi tersendiri bagi menjamin kelangsungan cara hidup sesebuah masyarakat di kawasan tertentu” (ms. 205).

Terdapat tiga fungsi budaya yang perlu ditekankan dalam menilai cara hidup sesebuah masyarakat iaitu pertama, budaya seharusnya memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat. Kedua, budaya yang diamalkan oleh





sesebuah masyarakat akan memenuhi keperluan instrumental seperti keperluan melaksanakan undang-undang serta peningkatan pendidikan dalam kalangan masyarakat. Ketiga, budaya perlu memenuhi keperluan dalam aspek integratif seperti agama kepercayaan serta kesenian. Secara keseluruhannya, tret-tret budaya yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat akan menjadi agen berterusan dalam memenuhi biologi manusia dan akan memberi manfaat kepada kelangsungan budaya.

Sebagai contohnya, Ki Supriyoko (2005) yang menyatakan bahawa pembelajaran budaya atau pendidikan budaya begitu penting dalam meningkatkan kualiti kehidupan sesebuah masyarakat yang pelbagai suku demi meningkatkan *civil society*. Oleh itu, pendidikan bersifat budaya berfungsi mengatasi masalah perkauman setiap suku agar tidak berlaku konflik diantara etnik dominan dengan etnik minoriti di sesebuah kawasan yang didiami oleh masyarakat pelbagai etnik (Ki Supriyoko, 2005).

Antara tret-tret budaya yang boleh dinilai menggunakan teori fungsi Malinowski adalah sistem norma, organisasi ekonomi, mobiliti sosial dan organisasi politik. Dalam membina ketamadunan sesebuah bangsa dan negara, tret-tret budaya begitu penting dalam mewujudkan cara hidup yang baik mengikut norma-norma yang telah ditetapkan. Sementara itu, Koentjaraningrat (2000) meletakkan tujuh unsur kebudayaan yang penting dalam menganalisis cara hidup sesebuah masyarakat iaitu “kesenian, sistem teknologi dan sains, sistem organisasi, bahasa, sistem ekonomi, ilmu pengetahuan dan agama kepercayaan” (ms. 2).





Berdasarkan pandangan Koentjaraningrat (2000) dan Malinowski (1944), segala pengamalan budaya oleh sesebuah masyarakat adalah penting demi memastikan kelangsungan cara hidup yang berterusan dari generasi ke generasi yang lain. Ini bermakna golongan berautoriti terutamanya para pemimpin masyarakat akan berusaha menggunakan tret budaya sebagai dalam memastikan kelompok masyarakat yang diperintah memenuhi ciri-ciri budaya yang diimpikan oleh golongan pemerintah (Koentjaraningrat, 2000; Malinowski, 1944). Sebagai contohnya, “Presiden pertama Indonesia iaitu Soekarno memperkenalkan Pancasila iaitu dasar atau peraturan membentuk jati diri bangsa Indonesia mengikut acuan tersendiri” (Ir. Soekarno, 2006, ms. 31). Impak pengenalan Pancasila di Indonesia telah berjaya melahirkan warganegaranya yang bangga dengan status negara bangsa Indonesia yang



Merujuk kepada masyarakat Malaysia merdeka, tret budaya yang diamalkan oleh pelbagai etnik berperanan sebagai alat membina negara bangsa yang harmoni. Berdasarkan perlaksanaan undang-undang tertinggi Malaysia iaitu Perlembagaan Persekutuan Malaysia serta Rukun Negara berfungsi sebagai alat mengatasi konflik dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Bukan itu sahaja, tret-tret budaya seperti “bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan (Perkara 152) dan agama Islam sebagai Agama Persekutuan (Perkara 3) menjadi asas pembentukan masyarakat Malaysia yang harmoni melalui kaedah integrasi nasional” (Ruhanie, 2005, ms. 94). Ini menunjukkan bahawa pengamalan tret budaya berdasarkan kaedah integrasi nasional adalah usaha kerajaan Malaysia dalam menjamin kemerdekaan negara secara berterusan dan berkekalan.






Di samping itu, tret budaya yang diamalkan di negara ini menjadi simbol keunikian dan kerajaan berusaha untuk mengatasi masalah perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di negara ini dengan memperkenalkan hukum atau peraturan khusus agar masalah berkaitan diskriminasi kaum dan isu-isu perkauman mampu dikekang serta diatasi dengan baik. Ini bermakna tret budaya yang diamalkan dalam kalangan masyarakat akan terus menerus diterapkan selagi memberi manfaat terhadap kelangsungan cara hidup. Goh Sang Seong (2016) menyatakan bahawa “pemupukan persefahaman antara etnik boleh dilakukan melalui aspek amalan sosiobudaya, adat resam dan cara pengamatan terhadap persekitaran antara semua kaum” (ms. 65). Melalui persefahaman tersebut, setiap etnik akan saling menghormati antara satu sama lain, menghargai kebudayaan etnik berbeza, serta berbangga dengan segala



Malaysia.

Tidak dapat dinafikan bahawa tret budaya yang diamalkan oleh masyarakat sesebuah negara berbeza mengikut situasi dan keadaan sekeliling. Persamaan fungsi budaya begitu penting dalam mengatasi konflik yang berlaku dalam kalangan masyarakat pelbagai latar kehidupan. Bahkan, budaya berfungsi sebagai simbol ketinggian tamadun sesebuah bangsa dalam membina dan membangunkan kebudayaan yang luhur. Oleh itu, proses penyerapan budaya begitu penting dalam memastikan kebudayaan sesebuah bangsa yang mempunyai kepelbagaian kaum dapat dikekalkan dan keharmonian rakyat sesebuah wilayah terjamin.





#### 1.6.4 Pertembungan antara budaya

Pertembungan budaya merujuk kepada dua kebudayaan asing saling bersaing pada waktu yang sama dalam memastikan kebudayaannya diikuti oleh masyarakat yang lebih lemah. Namun, pertembungan budaya asing ini boleh membawa satu konflik dan kesan yang lebih negatif kepada penerima.





Perbezaan interaksi dengan pertembungan budaya dapat dikenalpasti melalui beberapa aspek penting seperti waktu, tempat dan sebab-musabab berlakunya interaksi dan pertembungan budaya dalam sesuatu masyarakat. Pertembungan budaya ringkasnya membawa maksud kehadiran budaya yang berbeza ke atas masyarakat di sesuatu kawasan yang mampu mempengaruhi kehidupan masyarakat setempat dengan cara lebih agresif seperti kekerasan dan paksaan.

Merujuk kepada pembentukan budaya dan ketamadunan, terdapat empat faktor sesuatu budaya boleh bertembung iaitu interaksi, kedudukan wilayah, imigran dan pemodenan ekonomi (Huntington, 1993). Ini bermakna pertembungan budaya berlaku di sesebuah kawasan apabila kawasan tersebut menjadi tumpuan ataupun perhatian masyarakat wilayah-wilayah dari luar.

Untuk itu, kepentingan ekonomi dan kekuasaan politik sesebuah negara menjadi asas kepada kehadiran imigran yang pelbagai dalam menyebarkan dan membentuk budaya masyarakat asal. Imigran yang pelbagai turut mewujudkan pelbagai masalah terhadap masyarakat asal apabila terpaksa memilih dan dipaksa untuk memilih.

Pertembungan budaya asing ini boleh dilihat melalui persaingan dua buah kuasa besar dalam menyebarkan ideologi politik, ekonomi dan sosial ke atas negara yang lebih kecil dan lemah. Persaingan tersebut juga memaksa pemerintah yang lemah atau negara kecil mengubah kebudayaan asalnya dan lebih teruk menghapuskan kebudayaan induk. Contohnya, persaingan dua kuasa besar di antara pihak Berikat iaitu British, Perancis, Rusia dan Itali manakala pihak Kuasa Tengah iaitu Austria-Hungary, Jerman serta Turki Uthmaniyah ketika perang dunia pertama menjadi polimik dan tekanan kepada





negara-negara kecil pada abad ke-18 dalam memilih kebudayaan yang lebih relevan disesuaikan dalam sistem politik, ekonomi dan sosial. Pertembungan dan persaingan dua budaya tersebut juga boleh membawa konflik dan kesan negatif terhadap keharmonian iaitu keselamatan dan keamanan sesuatu masyarakat.

Pada hari ini, pertembungan budaya jelas diteliti apabila wujud persaingan antara dua kuasa besar dalam mempengaruhi sesebuah wilayah secara lebih agresif dan paksaan. Proses pertembungan budaya boleh dilihat melalui kaedah militari dan penjajahan secara paksa tanpa rela oleh empayar dan kuasa besar pada alaf ke-21. “Kekuasaan yang ada membolehkan wilayah yang lemah perlu menerima kekuatan, legitimasi, otoriti sesebuah kerajaan yang lebih kuat secara kekerasan dan paksaan” (Che Mohd Aziz Yaacob, 2012, ms. 103).



Dengan itu, pertembungan budaya dan tamadun pada hari ini jelas kelihatan melalui dunia Barat dan dunia Islam. Pertembungan dua dunia ini banyak memberi konflik dan kelangsungan kepada hampir keseluruhan masyarakat dunia. Pertembungan budaya tersebut dapat diukur melalui konflik dalam aspek keselamatan dan keamanan dunia menggunakan ideologi pemimpin, pengaruh kekuasaan dan kekuatan ketenteraan. Pengaruh elemen budaya moden ini menjadi dasar penting kepada pembentukan sesebuah bangsa dan negara (Mahjabeen Khaled Hossain, 2011). Malah, dasar-dasar dalam dan luar sesebuah negara akan bertindak melalui kekuasaan dan pengaruh yang dirasakan relevan serta memberi manfaat dalam elemen budaya iaitu politik, sosial dan ekonomi khususnya.





Sebenarnya, persaingan ekonomi menjadi agen kepada penyebaran budaya secara tidak langsung. Ini kerana keinginan untuk mendapatkan kuasa ekonomi dan pengaruh di kawasan tertentu menyebabkan budaya asing turut diserapkan melalui dasar-dasar kekerasan dan paksaan terutamanya menggunakan kaedah ketenteraan. Ini bermakna persaingan budaya berlaku apabila sesuatu kawasan itu penting dalam beberapa aspek seperti potensi ekonomi, kedudukan yang strategik dan keterbukaan negara yang lemah menerima polisi negara yang lebih kuat.

### 1.6.5 Ciri-ciri budaya

Dalam memerhati pola kehidupan masyarakat di MTSK, ciri-ciri budaya perlu



diteliti dan diperhalusi. Ini kerana perubahan sesebuah masyarakat tidak akan berlaku sekiranya tidak ada keistimewaan dan ketinggian martabat sesuatu budaya yang diterima. Keistimewaan ciri-ciri budaya yang diterima oleh sesebuah masyarakat perlu meliputi unsur-unsur simbolik, berubah-ubah, diwarisi, diterima sejagat, dikongsi dan dipelajari. Ini jelas menunjukkan bahawa ciri-ciri budaya sememangnya mempengaruhi keseluruhan kehidupan masyarakat yang kompleks. Malah, dengan ciri-ciri budaya yang ada mampu mengangkat martabat sesebuah bangsa dan negara. Menurut Ihromi (1999), ciri-ciri budaya seperti aspek kepercayaan, peralatan, seni bina, tatahidup, dan organisasi sosial yang digunakan oleh sesebuah masyarakat akan menentukan identiti sesebuah masyarakat. Justeru, sesebuah masyarakat boleh dikenali identitinya melalui pengamalan ciri-ciri budaya yang pelbagai dan unik (Ihromi, 1999).





Mudji Sutrisno dan Hendar Putranto (2005) meletakkan unsur-unsur simbolik dalam budaya menjadi asas kepada pembentukan dan identiti sesebuah masyarakat. Ini bererti unsur-unsur simbolik seperti agama kepercayaan, gaya pemikiran, kesusasteraan, seni lukis dan alatan teknologi. Ini kerana unsur-unsur simbolik menjadi penentu kepada dinamika pola kehidupan sesebuah masyarakat (Mudji Sutrisno dan Hendar Putranto, 2005). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa interaksi budaya boleh diukur melalui unsur simbolik dalam budaya samada unsur tersebut mempunyai persamaan ataupun perbezaan dalam kalangan sesebuah masyarakat. Ini dapat dibuktikan melalui penggunaan unsur-unsur simbolik dalam kebudayaan antara masyarakat Asia dengan Barat simbol kebendaan atau material seperti seni bina, peralatan pertanian dan gaya penulisan. Dengan itu, unsur simbolik dalam budaya yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat katerutamanya di Malaysia menjadi lambang kepada identiti sebenar sesebuah bangsa mahupun negara.

Masyarakat umumnya menyatakan bahawa pembentukan pola kehidupan individu dan masyarakat adalah berdasarkan faktor genetik dan warisan. Ini bermakna pola kehidupan masyarakat keseluruhannya tidak berlaku secara semula jadi. Sebaliknya, melalui pemerhatian, lisan dan perlakuan warga terdahulu, budaya dan pembudayaan dalam kalangan masyarakat berlaku daripada generasi ke generasi. Ini kerana budaya yang diperturunkan daripada generasi ke generasi melambangkan kelangsungan identiti sesebuah masyarakat. Malah, kebudayaan yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat akan cuba dikekalkan dan dipertahankan dengan membimbing generasi muda agar mengikuti adat resam yang sudah sebatи





dalam kehidupan masyarakat tersebut. Heskovits dalam Koentjaraningrat (1999) meletakkan bahawa “budaya itu berbentuk *superorganic* iaitu dicipta oleh masyarakat dan sifatnya turun temurun selama masih ada generasi penerus” (ms. 17). Oleh itu, keunikan budaya dalam kalangan masyarakat di sesebuah kawasan mahupun wilayah turut dilihat melalui interaksi antara budaya berlaku dalam kalangan generasi muda yang diwarisi daripada masyarakat terdahulu.

Sebagaimana manusia yang seringkali berubah-ubah sifat dan pemikiran, budaya juga turut memiliki ciri-ciri perubahan bergantung kepada sifat manusia yang berada di dalam sesebuah masyarakat. Dalam erti lain, budaya mempunyai tiga dimensi yang berbeza sifatnya disebabkan oleh perubahan masyarakatnya iaitu dimensi kognitif, dimensi evaluatif dan dimensi simbolik. Ini diperkuuhkan oleh Suwardi (2006) yang berpendangan bahawa perubahan gagasan pemikiran, gaya hidup dan penggunaan simbol-simbol penting dalam kehidupan manusia berdasarkan pegangan dan penciptaan manusia dalam budaya. Ini bermakna budaya terbentuk melalui sikap dan sifat manusia yang seringkali berubah-ubah sehingga membentuk pola budaya yang beraneka atau dinamika (Suwardi, 2006). Ini menunjukkan bahawa budaya akan berubah-ubah berdasarkan sifat manusia dan ciptaannya berdasarkan zaman.





### 1.6.6 Perubahan sosial

Dalam membincarkan interaksi antara budaya, kesan ke atas masyarakat yang menerimanya tidak boleh ditinggalkan. Ini kerana kehadiran budaya menjadi punca kepada pola perubahan sosial sesuatu masyarakat. Perubahan sosial ditakrifkan sebagai “segala perubahan terhadap ciri-ciri kemasyarakatan di dalam sesuatu masyarakat” (Soerjono Soekanto, 2005, ms. 8). Ini bermakna perubahan sosial berlaku dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Ringkasnya, perubahan sosial boleh dikatakan kepada peralihan dan perubahan masyarakat tidak kira perubahan kecil maupun besar. Ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat dan budaya sememangnya berubah-ubah. Perubahan atau transformasi sosiobudaya terjadi sepanjang sejarah perkembangan masyarakat dan kebudayaan sesebuah masyarakat. Namun, perkembangan masyarakat dan budaya hanya berbeza dari sudut dimensi dan kelajuan perubahan yang terjadi.

Kesan dari perubahan yang berbeza-beza akan membentuk masyarakat yang pelbagai, diaspora dan dinamika.

Dinamika budaya dan masyarakat berlaku melalui konsep pembentukan dan pembaharuan atau *shaping and reshaping*. Ini bermaksud pembentukan dan pembaharuan iaitu perubahan dilakukan oleh sesebuah masyarakat khususnya dari sudut budaya penting demi memastikan kelangsungan bangsa dan negara. Perkara ini diperkuatkan oleh Haviland, Prins dan Walrath (2007) yang menyatakan bahawa:





To function adequately, a culture must be flexible enough to allow such adjustments in the face of unstable or changing circumstances. All cultures are, of necessity, dynamic, but some are far less so than others. When a culture is too rigid or static and fails to provide its members with means requires long term survival under changing. (p. 39)

Ini jelas menunjukkan bahawa sesebuah masyarakat yang baik dari segi politik, ekonomi dan sosial secara lahiriahnya mengamalkan budaya yang cukup fleksibel iaitu mengikut zaman dan situasi masyarakat. Perubahan sesebuah masyarakat dan budaya dilakukan daripada menggelakkan sesebuah masyarakat mengalami kemerosotan dan pada masa jangka panjang memberi kelebihan berbanding masyarakat lain di sekitarnya.

Selain itu, kehadiran budaya asing turut menjadi agen dalam membantu membentuk sesebuah ketamadunan dalam keadaan yang lebih baik dan teratur



pada masa hadapan. Pembentukan dan pembaharuan dalam budaya sesuatu masyarakat dapat diteliti melalui perubahan nilai-nilai sosial, organisasi, kekuasaan, pengkhususan pekerjaan dan pola-pola perilaku. *Role model* atau rujukan kebudayaan asing ke atas masyarakat induk turut mempengaruhi perubahan sosial dalam kalangan masyarakat. Ini bererti budaya yang dirasakan baik kepada masyarakat akan diterima dan diolah oleh kelompok manusia demi kemaslahatan iaitu kesejahteraan individu, bangsa dan negara.

Bentuk-bentuk perubahan sosial dan kebudayaan sesuatu masyarakat dapat dikenalpasti dalam beberapa keadaan iaitu perubahan secara revolusi dan evolusi, perubahan separa dan sepenuhnya serta perubahan dikehendaki atau *intended-change* dan tidak dikehendaki atau *unintended-change*. Ini bermaksud terdapat faktor pendorong dan penolak dalam mempengaruhi





proses perubahan sesuatu masyarakat. Perubahan sosial sesebuah masyarakat boleh terjadi secara positif apabila masyarakatnya menerima pendidikan yang sempurna, sifat keterbukaan, toleransi dalam kebudayaan dan masyarakatnya yang saling memahami di antara satu sama lain. Namun begitu, proses perubahan sosial akan terbantut apabila interaksi dalam kalangan masyarakat bermasalah, sifat tradisional masyarakat, hambatan ideologi dan sistem pendidikan yang lambat berkembang. Ini jelas menunjukkan bahawa faktor pendorong dan penghalang mampu mengubah kedudukan sosial sesuatu masyarakat samada lebih baik ataupun sebaliknya.

### 1.6.7 Analisis teori



Masyarakat umumnya mengenali kelompok manusia melalui beberapa tret budaya seperti agama, hubungan kekeluargaan, pendidikan, kesenian, dan bahasa. Tret-tret budaya ini sememangnya menjadi asas kepada pengenalan sesebuah masyarakat termasuk masyarakat di MTSK. Dengan itu, pemerhatian dan penelitian dalam aliran kerja harian serta tingkah laku penting dalam menjadi saksi kepada interaksi tiga budaya yang lebih dominan diamalkan. Pemerhatian pengkaji mendapati sesungguhnya kebudayaan Islam dan Siam begitu sebatی dalam kehidupan masyarakat di kawasan tersebut. Namun begitu, persoalan yang timbul adalah berkaitan dengan proses interaksi antara budaya dan kesannya terhadap masyarakat di kawasan tersebut dan berhampiran.

Dalam menilai budaya dan kebudayaan sesebuah masyarakat, sejarah lampau serta kedudukan sesebuah kawasan perlu diberikan perhatian





sewajarnya. Mengenali sejarah dan kedudukan kawasan bermaksud memahami perjalanan dan kronologi peristiwa pembentukan sesebuah masyarakat, bangsa serta negara. Sorotan sejarah sesebuah masyarakat boleh merungkai kepentingan sesebuah kawasan melibatkan beberapa aspek seperti kekuasaan politik, ekonomi dan sosial masyarakat tempatan. Kelangsungan sesebuah tamadun pada hari ini dalam sesebuah negara turut dipengaruhi oleh elemen budaya pada masa lampau. Ini jelas menunjukkan bahawa interaksi budaya lampau mampu memastikan asal usul masyarakat dan budaya yang diamalkan oleh kelompok manusia di MTSK.

Kepentingan ekonomi sesebuah kawasan turut sama mempengaruhi interaksi antara budaya terhadap masyarakat asal. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa ekonomi yang pesat membangun mampu membawa perubahan dalam sistem politik dan sosial masyarakat. Aktiviti perdagangan dan pelabuhan interport mahupun enterport telah menjadi pusat pertemuan pedagang-pedagang dan mualigh-mualigh di seluruh dunia. Buktinya, Kedah Tua iaitu *Kalah* mengikut pedagang-pedagang Islam merupakan sebuah wilayah yang mempunyai pelabuhan perdagangan terpenting kepada masyarakat dunia.

Malah, kepentingan perdagangan di wilayah tersebut telah berjaya menemukan pelbagai jenis manusia dan kepelbagaian ragam budaya di seluruh pelusuk Asia khususnya (Ahmad Jelani Halimi, 2008). Perwatakan dan nilai-nilai murni iaitu tret budaya yang dibawa dari negara asal dapat memikat hati warga tempatan seterusnya cuba diikuti dan diamalkan. Ini bermaksud proses penyerapan budaya melalui interaksi antara budaya berlaku melalui





komunikasi dan pemerhatian oleh masyarakat tempatan ke atas ragam budaya asing yang dirasakan relevan serta baik untuk diamalkan.

Interaksi antara budaya turut berlaku melalui hubungan diplomasi ataupun dasar sesebuah kerajaan. Melalui hubungan diplomasi dua hala contohnya, pemerintah akan menggalakkan rakyat di dalamnya berhijrah atau bermigrasi dan menjalankan aktiviti perdagangan. Penghijrahan dan perdagangan akan berlaku apabila wujud hubungan baik kedua-dua buah negara. Ini dapat dibuktikan melalui pernyataan oleh Tan Ta Sen dan Ahmad Kadir (2011), “hasil interaksi dengan budaya luar itu memunculkan banyak perubahan besar dalam segala konteks budaya. Di samping memperkenalkan unsur-unsur baru, interaksi tersebut juga menghasilkan perubahan-perubahan budaya dalam sesebuah masyarakat”. (ms. 10).



Berdasarkan kenyataan di atas, interaksi budaya luar akan berlaku apabila masyarakatnya menggunakan konsep asimilasi dan integrasi dalam mewujudkan satu identiti masyarakat yang baharu ataupun masih mengekalkan budaya tradisi.

Di samping itu, interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat dapat dilihat melalui sistem kepercayaan dan agama. Ini bererti kepercayaan dan keagamaan turut mempengaruhi perubahan budaya dalam kalangan masyarakat di Mukim Teloi. Berdasarkan sumber sejarah, interaksi budaya melalui elemen agama sudah berlaku di negeri Kedah bermula abad kesatu lagi. Bermula dengan pengaruh Hindu-Buddha, Siam dan berakhir dengan kedatangan pengaruh Islam. Ketiga-tiga budaya tersebut, masih lagi kekal dan diamalkan oleh masyarakat majoriti di kawasan MTSK.





Selain itu, pengaruh kekuasaan politik juga penting dalam membentuk budaya dan kebudayaan masyarakat yang diperintah. Terdapat beberapa cara dalam memastikan budaya yang diinginkan menjadi pengenalan kepada masyarakatnya atau negara bangsa. Realitinya, pemerintah sesebuah kawasan samada terpaksa atau semulajadi akan meneliti kebaikan dan keburukan kehadiran budaya asing apabila diterapkan di dalam budaya asal. Dalam memastikan budaya asing ini wajar diterima atau ditolak, pemerhatian melalui interaksi budaya, nilai rakyat diperintah, kebudayaan imigran dan taraf kebudayaan asing akan diamati dan dianalisis oleh sesebuah pemerintah yang rasional. Kesannya, beberapa jenis konsep negara bangsa atau *nation building* muncul pada hari ini seperti *melting pot*, *monoculturalisme*, *multiculturalism* dan *leitkulture*.



*Melting Pot* merujuk kepada budaya asing atau imigran saling berinteraksi dengan kebudayaan asal masyarakat sehingga membentuk manusia hibrid. Interaksi budaya ini berlaku tanpa konflik dan tidak membabitkan campur tangan pemerintah. Ini bermaksud proses pencampuran budaya antara masyarakat asal dan imigran merujuk kepada proses timbal balik iaitu kedua-dua budaya tersebut saling berinteraksi dan memenuhi di antara satu sama lain secara semula jadi. Hal ini dapat dilihat melalui proses akomodasi iaitu kahwin campur yang banyak membentuk budaya baru dan beragam.

Proses interaksi antara budaya juga berlaku melalui kaedah *monoculturalisme*. *Monoculturalisme* merujuk kepada usaha pemerintah atau kerajaan dalam memastikan kebudayaan induk dan kebudayaan asing





disatukan menjadi identiti masyarakat di dalamnya. Ini bererti kebudayaan yang diwujudkan dalam sesebuah masyarakat dimainkan oleh kerajaan melalui usaha dan langkah-langkah yang jitu dalam membentuk satu identiti yang sama dalam keseluruhan masyarakat. Kaedah monoculturalisme selalunya dilakukan kepada masyarakat majmuk atau pluralisme yang mempunyai kepelbagaian agama, kepelbagaian adat resam dan kepelbagaian cara hidup. Justeru, proses ini dapat dilihat melalui dasar Pancarsila 1948 yang digunakan oleh kerajaan Indonesia ketika pemerintahan Presiden Sukarno yang berjaya membentuk bangsa Indonesia melalui bahasa yang sama, jati diri, penggunaan istilah kemelayuan dan cara hidup yang sama.

Proses interaksi antara budaya yang ketiga boleh terbentuk melalui

kaedah *multiculturalisme*. *Multiculturalisme* bermaksud kebudayaan masyarakat induk dan minoriti di sesebuah kawasan masih dikekalkan oleh pemerintah menggunakan cara toleransi dan jalan pendamaian. Ini menunjukkan bahawa budaya dan kebudayaan yang diamalkan oleh masyarakat berlangsung secara terbuka tetapi masih ada sekat dan peraturan yang perlu diikuti oleh segelintir masyarakat. Proses ini dapat dikenalpasti melalui Malaysia iaitu pembentukan negara bangsa berlaku melalui perjanjian murni ataupun kontrak sosial di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang dipersetujui oleh masyarakat pelbagai etnik seperti Melayu, Cina dan India.

Interaksi antara budaya boleh berlaku apabila kaedah *leitculture* digunakan oleh sesebuah pemerintah. Kaedah ini didefinisikan sebagai kebudayaan masyarakat minoriti masih dikekalkan dan tidak dihalang oleh





pemerintah selagi tidak bercanggah dengan kebudayaan asal sesebuah kawasan. Ini bermakna budaya masyarakat minoriti bebas diamalkan sekiranya pemerintah berpendapat budaya tersebut relevan dan tidak melanggar norma-norma masyarakat asal. Berdasarkan kaedah ini, masyarakat minoriti akan cuba berasimilasi dengan masyarakat asal demi memastikan kebudayaan yang diamalkan oleh golongan minoriti diterima secara terbuka.

Malah, *leitculture* juga akan memastikan kebudayaan asal mempunyai kelebihan, keistimewaan dan manfaat yang lebih baik kepada masyarakat asal berbanding masyarakat minoriti melalui dasar-dasar kerajaan sesebuah negara. Ini bererti konsep interaksi jenis ini memandang status budaya asal itu lebih baik dan tinggi berbanding budaya masyarakat minoriti. Sebagai contohnya, masyarakat Melayu di Selatan Thailand telah berasimilasi dengan kebudayaan masyarakat majoriti Thailand demi memperolehi manfaat dan kelebihan dalam sistem politik, ekonomi dan sosial di negara tersebut.

Imigran turut berpotensi dalam mempengaruhi interaksi budaya sesebuah kawasan. Kehadiran imigran sebenarnya mempengaruhi pola kehidupan sesebuah masyarakat. Ini kerana interaksi budaya boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu pengaruh budaya masyarakat asal terhadap imigran atau pengaruh budaya imigran ke atas masyarakat asal. Interaksi budaya dalam kalangan masyarakat tempatan dan imigran berlaku apabila wujud komunikasi dan sifat keterbukaan yang baik dalam kelompok manusia di sesebuah kawasan. Malah, sifat keterbukaan segelintir masyarakat asal ataupun imigran ini memudahkan pengaruh budaya lain meresapi cara kehidupan tanpa disedari dan dianggap oleh masyarakat berlaku secara semulajadi. Disebabkan oleh





sifat keterbukaan inilah, wujud pelbagai jenis kebudayaan dan etnik di seluruh dunia umumnya.

### 1.7 Kepentingan kajian

Kajian interaksi antara budaya di MTSK sememangnya penting dalam menentukan nilai sejarah dan pembentukan budaya dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya negeri Kedah. Ini bermakna kajian ini penting dalam menilai dan menganalisis keseluruhan cara hidup masyarakat di MTSK berdasarkan fakta sejarah dan antrapologi seperti jenis etnik, budaya yang diamalkan, asas adat resam dan undang-undang yang terlaksana dalam kalangan masyarakat MTSK. Ini kerana nilai sejarah budaya dan kebudayaan



Kajian ini juga penting dalam mengenalpasti proses interaksi antara budaya yang berlaku ke atas masyarakat di MTSK. Bedasarkan kaedah etnografi, temubual, pengumpulan data dan kaji selidik membolehkan interaksi antara budaya di mukim tersebut dapat dianalisis. Ini bererti kehadiran budaya berbeza, penerimaan budaya berbeza dan pengamalan budaya ke atas masyarakat MTSK membolehkan identiti masyarakat di mukim tersebut menerima budaya luar secara semulajadi ataupun berkonflik. Ini menunjukkan bahawa proses kehadiran budaya diterima secara baik ataupun tentangan oleh masyarakat asal di kawasan tersebut boleh mempengaruhi pola





kehidupan masyarakat. Dengan itu, kajian ini akan meneliti faktor-faktor berlakunya interaksi antara budaya di mukim tersebut melalui faktor pendorong dan penolak.

Selain itu, kajian ini penting dalam mengekalkan warisan sejarah dan budaya dalam kalangan masyarakat MTSK. Ini kerana hampir keseluruhan kampung, bandar, mukim, daerah dan negeri Kedah pada hari ini terdedah dan dipengaruhi dengan dunia globalisasi yang boleh menghakis tret budaya yang pernah diamalkan oleh masyarakat terdahulu. Dengan adanya kajian ini, warisan budaya yang terdapat di MTSK dapat dipertahankan dan dijaga sehingga ke generasi muda akan datang. Malah, kajian ini dapat menyedarkan masyarakat MTSK dan masyarakat luar umumnya tentang kepentingan mengekalkan warisan budaya setempat dalam memperkenalkan identiti sesebuah masyarakat, bangsa dan negara.



Di samping itu, kajian ini mampu menjelaskan tentang konsep interaksi antara budaya yang berlaku dalam sesebuah masyarakat khususnya di MTSK. Ini kerana proses interaksi budaya berlaku dalam beberapa aspek seperti *Melting Pot, Tribetary Streams, Tapestry* dan *Garden Salad* (Alo Liliweri, 2005). Berdasarkan proses interaksi antara budaya yang dinyatakan, perubahan budaya dan sosial sesebuah masyarakat termasuklah masyarakat di MTSK tidak berlaku secara semulajadi. Sebaliknya, pengamalan budaya hasil daripada interaksi budaya berlaku apabila individu, pihak berautoriti, masyarakat, kelompok manusia dan bangsa yang berbeza saling berkomunikasi dan bertukar-tukar kebudayaan demi memartabatkan status kelompok masyarakat masing-masing.





Kajian ini juga mempunyai kepentingan tersendiri iaitu memahami manfaat dan faedah interaksi antara budaya ke atas masyarakat MTSK. Manfaat dan faedah yang diperolehi oleh masyarakat MTSK dapat diteliti melalui aspek politik, ekonomi dan sosial. Dalam masa yang sama, kesan pengamalan interaksi budaya secara lebih jelas dalam kalangan masyarakat MTSK dilihat daripada sudut komunikasi, bahasa, agama kepercayaan, kesenian kebudayaan dan sifat kekeluargaan. Keempat-empat sudut yang dinyatakan boleh diperhatikan melalui perubahan dan pola kehidupan masyarakat di MTSK. Ini menunjukkan bahawa interaksi budaya di mukim tersebut boleh memberi kesan yang positif dan negatif terhadap kelangsungan sesebuah masyarakat.



## 1.8 Kajian terdahulu

Dalam menghasilkan kajian interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat di MTSK, beberapa laporan dan beberapa buah buku telah diteliti dan diperhalusi. Kajian ini turut melibatkan penulisan ilmiah secara umum atau artikel yang menyentuh beberapa aspek tentang kepentingan budaya dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Maklumat yang dibincangkan dalam laporan, buku dan artikel ini, dapat memastikan kajian ini dilakukan mengikut perancangan dan masa yang telah ditetapkan. Antaranya, buku yang mengupas secara umum dan khusus tentang kepentingan budaya ialah Budaya dan Imprealisme tulisan Edward W. Said, Dahomean Narrative- A Cross Culture Analysis nukilan Mellville Jean Herskovits, Sejarah dan Tamadun Melayu tulisan Ahmad Jelani Halimi, tulisan Bernard Philippe Groslier dalam





makalahnya yang bertajuk Indocina: Persilangan Budaya dan nukilan Patrick Jory dan Michael J. Montesano di dalam bukunya bertajuk Thai South and Malay North: Ethnic Interactions on a Plural Peninsular.

### 1.8.1 Identiti masyarakat

Identiti sesebuah masyarakat dapat dikenali melalui pengamalan tret budaya dalam pola kehidupan secara keseluruhan. Ini kerana identiti sesebuah masyarakat termasuklah masyarakat di MTSK dapat dikenalpasti melalui ras, etnik, agama, bahasa dan cara hidup sehari-hari seperti cara pemakaian, penyediaan makanan dan adat resam. Ini bermaksud sesebuah masyarakat dapat dibezakan dan mempunyai keunikan masing-masing dalam menentukan



status peradaban bangsa. Perbezaan dan beranekanya kebudayaan yang diamalkan oleh sesebuah kawasan berdasarkan interaksi antara budaya yang membawa perubahan yang lebih positif atau negatif kepada kehidupan dari segi politik, sosio dan ekonomi. Ahmad Jelani Halimi (2008) menegaskan bahawa keunikan budaya masyarakat Kedah sememangnya dipengaruhi oleh interaksi kebudayaan luar iaitu kebudayaan Hinduni, kebudayaan Islam dan kebudayaan Siam. Sebagai contohnya, pemelukan Islam oleh Maharaja Derbar Raja II, raja pertama negeri Kedah telah menyebabkan Islam mula tersebar di wilayah jajahan baginda. Ini jelas menunjukkan bahawa pembentukan identiti sesebuah masyarakat termasuklah di MTSK berlaku melalui interaksi budaya.

Dalam membentuk identiti sesebuah masyarakat, aspek keterbukaan ataupun toleransi masyarakat induk menerima interaksi budaya asing boleh





membawa kepada dinamika cara hidup di sesebuah kawasan. Keterbukaan dan sikap toleransi masyarakat induk telah membuka peluang penyebaran budaya dilakukan secara bebas oleh pedagang-pedagang dan mualigh-mualigh agama. Penyebaran budaya secara difusi ini berjaya membentuk masyarakat baharu melibatkan proses kahwin campur dan proses asimilasi dalam kalangan imigran. Ini diperjelaskan melalui tulisan Patrick Jory dan Michael J. Montesano (2004) yang meletakkan interaksi antara budaya sesebuah masyarakat berlaku atas desakan ekonomi dan perhubungan politik dua hala antara sesebuah pemerintah. Ini dibuktikan dengan kewujudan etnik Sam-sam di Kedah yang telah berasimilasi ke dalam hidup masyarakat setempat. Pada masa yang sama, kedua-dua etnik ini telah membuat beberapa buah penempatan di negeri Kedah seperti di daerah Baling, Kubang Pasu, Alor

Setar dan Sik. Menariknya, etnik unik ini berjaya mempengaruhi kehidupan masyarakat setempat dan berasimilasi dengan budaya masyarakat asal. Ini terbukti melalui bahasa loghat Kedah-Siam yang digunakan dan tatahidup yang diamalkan oleh kedua-dua etnik minoriti ini.

Asas identiti pembentukan sesebuah masyarakat dilihat melalui kepimpinan sesebuah organisasi atau pusat pemerintahan. Ini bermakna keupayaan dan kemampuan seseorang pemimpin boleh mempengaruhi interaksi budaya sesebuah masyarakat dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Ini menunjukkan bahawa kekuasaan yang terdapat dalam autoriti pemimpin membolehkan berlakunya perubahan dan pembaharuan budaya dalam kehidupan sesebuah masyarakat termasuklah masyarakat di MTSK. Peranan dan kewibawaan seseorang pemimpin dalam membentuk kebudayaan negara bangsa telah diperbincangkan oleh Leslie A. White (2004).





White meletakkan bahawa lelaki atau *men* sebagai asas kepada kekuatan dan kecemerlangan sesebuah tamadun. Hal ini kerana lelaki berfungsi sebagai penyebar budaya dunia. Mereka merupakan golongan pendidik, golongan pedagang dan golongan pendakwah yang berjaya menyebarkan budaya yang dianggap baik. Golongan lelaki berupaya mempengaruhi masyarakat dan bangsanya untuk memperbaiki sistem politik, sosial dan ekonomi berdasarkan falsafah dan pemikiran yang logik dalam mengubah budaya lama yang dianggap tidak relevan. Ini juga diperkuuhkan lagi dengan penyataan Groslier (2002) yang meletakkan *visyar* iaitu pedagang lelaki berjaya mempengaruhi kehidupan masyarakat dagangannya melalui komunikasi di kawasan tumpuan ekonomi. Ini dapat dilihat melalui kewujudan candi-candi di Lembah Bujang yang membuktikan bahawa pegaruh kebudayaan Hindu-Buddha telah dibawa oleh pedagang-pedagang India ke negeri Kedah sebelum kehadiran budaya Siam dan budaya Islam. Dengan itu, kajian interaksi tiga budaya dalam kalangan masyarakat MTSK wajar dilihat melalui pengaruh lelaki ke atas perubahan sosio-budaya masyarakat sesebuah kawasan.

Identiti sesebuah masyarakat turut berlaku dalam keadaan tekanan dan paksaan apabila wujud pertembungan ataupun persilangan budaya ke atas sesebuah wilayah yang lemah. Proses pertembungan budaya ini dapat dibuktikan melalui penjelajahan dan penjajahan. Ini kerana penjelajahan dan penjajahan melalui kuasa penjajah boleh mengubah gaya hidup, perilaku, pemikiran dan adat resam sesebuah masyarakat yang dijajah dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Edward W. Said (1994) menyatakan bahawa penjajah Eropah sekitar abad ke-15 sehingga abad ke-19 seperti Inggeris,





Belanda Sepanyol dan Perancis merupakan kuasa utama yang berjaya mengubah kebudayaan masyarakat di Asia dan Afrika. Berdasarkan konsep imprealisme dan kolonialisme ini menyebabkan masyarakat Asia dan Afrika yang dianggap sebagai tradisional terpaksa menerima perubahan dan pembaharuan yang lebih moden demi kepentingan bangsa penjajah. Justeru, kehadiran kebudayaan Hindu-Buddha, Siam dan Islam di negeri Kedah meliputi daerah Sik dan Mukim Teloj turut dipengaruhi oleh interaksi budaya yang mempunyai kepelbagaiannya yang unik sehingga berjaya mempengaruhi kehidupan masyarakat setempat.

### 1.8.2 Nilai dan budaya



kerana pembentukan sesebuah masyarakat tidak lengkap sehingga nilai-nilai tidak dibincangkan dalam interaksi budaya di MTSK. Nilai dan budaya yang dipegang oleh sesebuah masyarakat menjadi penentu kepada keseragaman dan perbezaan budaya sesebuah masyarakat. Melalui nilai yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat, identiti kelompok manusia akan dikenali. Talcott Parsons dan Leon H. Mayhew (1958) meletakkan pola nilai adalah “agen penting dalam mempengaruhi tingkah laku sesebuah masyarakat” (ms. 327). Ini jelas menunjukkan bahawa nilai-nilai yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat seperti di MTSK boleh membentuk cara hidup dan pengamalan budaya di sesebuah kawasan.





Ini diperkuuhkan lagi melalui Asma Abdullah (2009) yang menjadikan aspek nilai dan budaya asas kepada perubahan sesebuah masyarakat. Asma melihat hubungan manusia dengan alam, individu dengan orang lain, rasa kekitaan, gaya komunikasi dan status kekuasaan dipengaruhi oleh budaya dan nilai. Ini dapat dibuktikan tanpa sedar iaitu masyarakat Malaysia membentuk budaya melalui nilai sehari-hari yang diamalkan seperti nilai sopan santun, nilai berbudi bahasa dan nilai menghormati. Berdasarkan nilai-nilai baik yang ditonjolkan oleh masyarakat Malaysia, negara ini dikenali sebagai bangsa yang mengamalkan ketinggian budaya dalam kehidupan berkelompok. Dengan itu, nilai yang diamalkan akan membentuk budaya dalam pola perlakuan sesebuah masyarakat sehingga dikenali sebagai budaya masyarakat.



Ringkasnya, nilai merupakan *standart*, matlamat dan prinsip yang menjadi agen kepada pembentukan sesebuah masyarakat. Ini bermaksud nilai menjadi aturan dan peraturan yang perlu atau wajar dilakukan oleh sesebuah masyarakat demi menjaga identiti, sifat manusia dan perilaku sesebuah masyarakat. Pegangan nilai dalam kalangan masyarakat Melayu Malaysia seperti nilai mementingkan keluarga atau *esprit de corps* telah terbiasa dan akhirnya membentuk budaya masyarakat yang diangkat dan dipegang oleh hampir keseluruhan generasi seterusnya. Nilai-nilai baik yang dipertahankan oleh institusi kekeluargaan, masyarakat, bangsa dan negara merupakan tret budaya yang dijaga dan memastikan kelangsungan cara hidup sesebuah masyarakat (Bernard T. Adeney, 2000). Oleh itu, melalui nilai yang diamalkan oleh masyarakat di MTSK dapatlah dibuktikan samada telah wujud interaksi tiga budaya dalam kalangan masyarakat tersebut ataupun sebaliknya.





### 1.8.3 Perpaduan

Perpaduan dalam sesebuah negara berbilang kaum perlu bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan masyarakatnya. Dengan adanya perpaduan, matlamat negara dalam usaha untuk membentuk identiti nasional sememangnya perlu bagi melahirkan sebuah negara bangsa yang dipandang tinggi oleh negara dunia yang lain. Ibnu Khaldun dalam Saleh Faghirzadeh (2008) menyatakan bahawa perpaduan mampu menjana ikatan sosial dan ikatan sosial memberi bentuk konkret kepada keinginan, perasaan sayang, ketakutan (*knowf*), harapan (amal) serta keperluan terhadap makanan dan perlindungan.

Dalam konteks perpaduan, semangat kerjasama dan saling melengkapi



antara satu sama lain begitu penting demi memastikan sesebuah negara berada dalam keadaan baik dan harmoni. Dengan itu, Malaysia telah berusaha membentuk identiti nasional melalui proses integrasi terhadap etnik yang terpisah daripada segi budaya, cara hidup, sosial dan lokasi di dalam sesebuah pemerintahan dan pentadbiran. Integrasi dapat diertikan sebagai suatu proses penyatuan semua aspek fizikal, ekonomi, politik, sosial termasuk perkahwinan campur (Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, 2014). Proses integarsi akan berhasil apabila beberapa wakil etnik sesebuah masyarakat dapat menerima kebudayaan etnik lain dan sanggup untuk hidup bersama.

Satu cabaran utama dalam mengekalkan perpaduan dalam negara pelbagai kaum adalah ancaman ekstreisme kaum (Abd Rahim Abd Rashid, 2004). Pembinaan negara bangsa melalui asimilasi budaya, toleransi dan persefahaman, kesetiaan kepada negara, bersifat adil dan berkerjasama di





dalam masyarakat yang berbilang kaum tidak mampu dilaksanakan sekiranya masalah ekstremisme kaum tidak dihapuskan. Antara pengamalan ekstreisme kaum adalah bersifat prejudis, anti negara bangsa, diskriminasi kaum dan mengamalkan dasar perkauman dalam pergaulan, hubungan, pekerjaan serta mementingkan kaum sendiri. Sekiranya amalan ini terus menerus tidak dibendung, sesebuah negara bangsa akan terus bergolak dan berhadapan dengan cabaran rusuhan kaum dan perang perkauman.

Dalam konteks Malaysia yang mempunyai kepelbagaian etnik, integrasi perpaduan perlu dilaksanakan dalam usaha mewujudkan masyarakat bersatu pada dengan satu identiti kebangsaan. Dasar-dasar kerajaan Malaysia mula berubah setelah berlakunya peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 196 yang melibatkan kaum Melayu, Cina dan India. Rusuhan berdarah tersebut memperlihatkan isu berkaitan pengasingan penempatan dan isu ekonomi dimainkan oleh etnik-etnik majoriti di Malaysia. Pengasingan penempatan dan ekonomi jelas dilihat apabila etnik Melayu berada di kampung-kampung dengan menjalankan aktiviti pertanian. Sementara itu, etnik Cina berada di bandar dengan menjalankan kegiatan perniagaan dan perdagangan. Etnik India pula, terus berada di ladang-ladang dengan menjadi buruh ladang. Perbezaan serta jurang ekonomi yang begitu luas antara etnik Melayu dengan etnik Cina telah menimbulkan ketegangan, pergeseran dan akhirnya menjadi punca berlakunya konflik atau rusuhan (Sivamurugan Pandian, 2005).

Bagi menghalang konflik tersebut terus berlaku, Malaysia kerap kali melaungkan slogan Perpaduan atau kerjasama etnik. Perkara ini dapat dilihat apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dilancarkan pada tahun 1971 ketika





pemerintahan Tun Abdul Razak bin Dato' Hussien. Tujuan utama dasar ini dijalankan demi memastikan penduduk luar bandar khususnya etnik Melayu tidak tercincir dalam kemajuan ekonomi. Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2014), slogan perpaduan dalam kalangan etnik Malaysia terus menerus dicanang melalui media massa, nyanyian, kajian dan penulisan. Selepas 40 tahun rusuhan tersebut berlaku, kerajaan terus berusaha menggubal dasar perpaduan melalui Integarsi Nasional, Perpaduan Nasional, Bangsa Malaysia, Islam Hadhari dan 1Malaysia.

Sepanjang tempoh perlaksanaan dasar-dasar perpaduan, Malaysia masih lagi gagal untuk mencapai perpaduan yang diimpikan. Namun begitu, Malaysia telah disanjung tinggi dan menjadi role model di peringkat antarabangsa apabila berjaya mengekalkan kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan keharmonian hubungan antara etnik. Ini jelas dilihat apabila tiga orang presiden Amerika Syarikat iaitu Presiden Bush Senior, Presiden Bush Jubion dan Presiden Obama mengiktiraf Malaysia sebagai model negara Islam majoriti yang terbaik dunia (Shamsul Amri Baharuddin, 2014).



#### 1.8.4 Etnik

Etnik adalah sekelompok manusia yang mempunyai persamaan dalam anutan agama, ras, kebudayaan serta asal keturunan. Etnik mempunyai keistimewaan tersendiri dan membezakan ahlinya dengan kumpulan etnik yang lain melalui perkongsian adat resam, makanan, busana dan hubungan erat dalam kalangan mereka. Ini bermakna etnik dapat dicirikan sebagai kumpulan sosial yang





saling berkongsi cara hidup asal dan saling mempertahankan jati diri etnik masing-masing. Philip Q. Yang (2000) pula mentakrifkan kumpulan etnik adalah kelompok manusia yang mempunya keistimewaan kebudayaan sama iaitu penggunaan bahasa, pakaian dan agama. Keistimewaan budaya yang diamalkan oleh kumpulan etnik tertentu adalah simbol serta lambang identiti yang menjadi kebanggaan dan perbezaan dengan etnik yang lain (Philip Q. Yang, 2000).

Seringkali kumpulan etnik dikaitan dengan konsep etnitisi dan etnosentrisme. Etnisiti diungkap sebagai semangat kekitaan sesebuah kumpulan etnik disebabkan oleh pengamalan budaya yang sama. Semangat kekitaan dalam kalangan ahli kumpulan etnik terbina apabila budaya yang sama berjaya menyatukan anggotanya berdasarkan sejarah, nilai, sikap dan tingkah laku. Di Malaysia, semangat kekitaan dalam kalangan etnik Melayu, etnik Cina dan etnik India dikenal pasti melalui pengamalan budaya yang sama. Sebagai contohnya, etnik Melayu menganuti agama Islam, menggunakan bahasa Melayu dan berpakaian baju Kurung dan baju Melayu. Persamaan dan kesanggupan ahli anggotanya mengamalkan budaya tersebut berjaya melahirkan semangat kesatuan, kasih sayang dan rasa bangga terhadap asal usul etnik masing-masing.

Sementara itu, semangat kekitaan yang melampau boleh menyebabkan kumpulan etnik akan berpandangan etnosentrisme. Etnosentrisme adalah satu pandangan dan tanggapan bahawa kumpulannya adalah mempunyai ciri-ciri budaya terbaik berbanding dengan etnik yang lain. Perkara ini mampu melahirkan konflik etnik apabila kegagalan kumpulan etnik untuk menerima





pandangan dan kebudayaan etnik lain. Islam pula meletakkan konsep etnosentrisme adalah semangat assabiyah yang keterlaluan. Semangat assabiyah atau kesukuan berasaskan kabilah di Tanah Arab telah menyebabkan berlakunya konflik antara suku-suku Arab. Perkara ini dapat dilihat apabila pengamalan semangat assabiyah telah menyebabkan berlakunya perang al basus pada zaman jahiliah yang mengambil masa selama 40 tahun. Amalan assabiyah dalam kalangan kabilah arab dapat dicirikan melalui persetujuan atau sokongan ahli kumpulan terhadap tindakan kabilah dalam usaha melindungi kepentingan mereka walaupun perbuatan yang dilakukan salah ataupun zalim. Ibnu Khaldun dalam Teodros Kiros (2001) menyatakan bahawa:



Assabiyah is another vital factor that diminish a nation achievement. Without hesitation, a well-built bond between members of a people, family, or a group is actually critical building a civilization. The members of a group need to support each other to fight against their foes in a physically powerful way, whether it's economically or matrially. (p. 55)

Berdasarkan pernyataan tersebut, pengamalan semangat assabiyah atau etnosentrisme mampu membawa masalah pembinaan negara bangsa. Ini kerana sikap mementingkan etnik secara keterlaluan dan menyokong tindakan ahli tanpa usul periksa boleh mencetuskan masalah seperti diskriminasi etnik, rusuhan etnik, syak wasangka keterlaluan dan interaksi dan komunikasi tidak berkesan.

Konflik berdasarkan etnosentrisme mampu diatasi dalam kumpulan etnik apabila sikap tolak ansur dan toleransi berjaya diaplikasikan dalam kehidupan bermasyarakat. Sikap tolak ansur begitu penting bagi negara





pelbagai etnik kerana perbuatan memberi dan menerima ciri-ciri budaya yang lain secara tidak langsung mampu mengurangkan pergeseran atau konflik berdasarkan etnosentrisme. Dengan bertolak ansur, kumpulan etnik dapat menunjukkan sikap bahawa mereka yang bertimbang rasa pada etnik yang lain. Secara tidak langsung keharmonian dan kesejahteraan sesebuah bangsa dapat dipupuk dengan rasa kasih sayang serta saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Rahimah (2014) menjelaskan bahawa tolak ansur bermaksud suatu pihak itu maklum akan keadaan atau sesuatu situasi kelompok yang lain. Sebagai contohnya, perperangan boleh diatasi melalui kaedah rundingan yang sebenarnya menguntungkan kedua-dua belah pihak yang terlibat. Melalui tolak ansur juga, kemauafakatan dapat dicapai apabila masalah berjaya diatasi dan kumpulan etnik yang telibat berjaya didamaikan



## 1.9 Metodologi kajian

Di dalam kajian ini, kaedah kualitatif telah digunakan dalam usaha memperolehi data dan maklumat. Kaedah kualitatif merujuk kepada kaedah penyelidikan berdasarkan kajian yang melibatkan situasi dan individu dalam usaha untuk mendapatkan maklumat secara terperinci dan mendalam. Azizi Yahya dan Shahrin Hashim (2007) menjelaskan bahawa “kaedah kualitatif cenderung bergantung pada kepentingan subjektif dan pengalaman manusia” (ms. 103). Dengan itu, pengkaji perlu membuktikan segala percakapan dan perbuatan masyarakat yang dikaji serta memahami peristiwa kejadian dari pandangan responden. Terdapat tujuh ciri khusus kaedah kualitatif iaitu:





- i. Penyelidik melibatkan diri dalam persekitaran kajian
- ii. Data membayangkan pandangan subjek
- iii. Sumber data adalah berasaskan situasi kejadian sebenar
- iv. Lazimnya data berbentuk naratif
- v. Kajian memberi fokus kepada interaksi personal dengan subjek
- vi. Keputusan awal atau andaian perlu dielakkan dalam kajian

Ini bermakna kaedah penyelidikan kualitatif lebih tertumpu kepada aspek interaksi, berhadapan dengan subjek kajian dan menggunakan pendekatan induktif untuk menjana teori. Oleh itu, pendekatan induktif dalam kaedah kualitatif merujuk kepada pembinaan konsep, teori dan hipotesis supaya kajian yang dilakukan dapat dikembangkan, diuraikan dan dijelaskan



dengan baik. Dalam usaha memenuhi penyelidikan berdasarkan kualitatif, pengkaji telah menggunakan kaedah etnografi, kaji selidik berstruktur, kaji selidik tidak berstruktur, temubual, dapatan data sumber primer dan sekunder.

### 1.9.1 Etnografi

Kaedah pertama yang digunakan dalam kajian berkaitan dengan interaksi antara budaya di MTSK adalah etnografi. Kaedah etnografi merupakan asas penyelidikan budaya dan begitu sesuai digunakan dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Ini bermaksud etnografi adalah gambaran secara empirikal tentang budaya dan organisasi sosial sesebuah masyarakat. Fokus utama dalam kaedah etnografi adalah bermatlamat memberi pandangan secara mendalam tentang cara hidup dan budaya sesebuah masyarakat yang dikaji





berasaskan persepsi masyarakat tersebut. Malinowski dalam Hashim Awang A.R (1996) menyatakan bahawa kaedah etnografi diertikan sebagai “to grasp the native’s point of view, his relationto life, to relaize his visionof his world” (p. 28).

Berdasarkan pandangan Malinowski, kaedah etnografi digunakan dalam kajian ini bertujuan menilai proses interaksi budaya dalam kalangan masyarakat MTSK khususnya kaum Melayu dan kaum Siam. Sementara itu, Sementara Harris dalam John W. Creswell (2007) menjelaskan bahawa “ethnography is a qualitative design in which the researcher describes and interprets the shared and learned patterns of values, behaviors, beliefs, and language of a culture-sharing group” (p. 68). Melalui kaedah etnografi ini, kajian lapangan secara umum dan khusus ke atas keseluruhan aspek kehidupan masyarakat di kawasan tersebut akan dilaksanakan mengikut prosedur yangtelah ditetapkan.

Bagi memastikan data kajian interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat MTSK berjaya diperolehi, pengkaji perlu mempunyai “tiga prinsip utama” dalam kajian lapangan berasaskan kaedah etnografi seperti dinyatakan oleh Emzir (2011, ms. 149). Prinsip pertama ialah pengkaji berperanan sebagai pemerhati-peserta dalam kajian yang dilakukan. Prinsip ini penting bagi mendapatkan maklumat penyelidikan yang tepat dan baik. Selain itu, pengkaji adalah pemerhati-peserta dan dianggap salah satu alat atau cara yang paling sesuai dalam memahami perlakuan masyarakat.

Prinsip kedua, budaya seharusnya dilihat berasaskan pandangan subjek kajian dan pemerhatian saintifik. Prinsip kedua merujuk kepada kajian budaya





yang dilakukan sewajarnya mengikut pandangan subjek kajian dan pengkaji perlu menganalisis pandangan masyarakat MTSK melalui dapatan data yang diperolehi. Prinsip ketiga pula, interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat MTSK perlu dinilai dalam konteks yang asal. Dengan kata lain, pengkaji perlu bersifat berkecuali iaitu subjek kajian tidak boleh dipengaruhi oleh pengkaji dalam usaha mendapatkan sumber dan maklumat sebenar.

Sehubungan dengan itu, terdapat lima langkah awal dalam usaha untuk mendapatkan data serta maklumat masyarakat yang dikaji iaitu:

- i. Memohon kebenaran secara bertulis dari Majlis Daerah Sik untuk melaksanakan kajian di kawasan MTSK.
- ii. Memohon kebenaran secara bertulis dari Pejabat MTSK untuk menjalankan kajian di kawasan MTSK.
- iii. Memohon kebenaran secara bertulis untuk menemubual tokoh-tokoh penting MTSK.
- iv. Memohon kebenaran secara lisan daripada penghulu kampung untuk menjalankan kajian di kampung-kampung terpilih.
- v. Mengedarkan borang kaji selidik berstruktur kepada kumpulan masyarakat terpilih dengan bantuan penghulu-penghulu kampung MTSK.

Ini bermakna melalui kaedah ini, gambaran awal interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat MTSK boleh dilihat melalui aspek bahasa, agama dan kepercayaan, institusi pendidikan dan asal usul kekeluargaan. Ragam masyarakat di kawasan MTSK akan diperhatikan dan diteliti di





beberapa kawasan seperti rumah ibadat, pasar terbuka dan rumah-rumah individu terpilih. Berdasarkan kaedah tersebut, analisis terhadap interaksi antara budaya di mukim tersebut dapat dilaksanakan. Dengan membuat pemerhatian, kajian akan meneliti tentang pola-pola kehadiran budaya dan pembudayaan yang dinamika dan diaspora.

### 1.9.2 Kaji selidik berstruktur dan tidak berstruktur

Kaji selidik berstruktur merupakan kaedah kedua yang digunakan dalam memastikan kajian interaksi antara budaya di MTSK terlaksana. Kaji selidik berstruktur merupakan “rangkaian soalan yang akan ditanya kepada subjek kajian melalui bentuk borang atau bertulis. Ini bererti kaji selidik adalah



merupakan jawapan daripada responden” (Selo Soemardjan dalam Koentjaraningrat, 1985, ms. 173). Dengan itu, borang kaji selidik telah disediakan terlebih dahulu oleh pengkaji sebelum melakukan kajian lapangan. Borang kaji selidik berstruktur ini mempunyai tiga bahagian utama iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Pada bahagian A, perkara-perkara seperti asal keturunan, umur, pekerjaan, agama, pendidikan, status perkahwinan dan pendapatan. Bahagian A merujuk kepada jenis soalan yang bersifat demografi iaitu medapatkan data asas dalam kajian.

Sementara itu, bahagian B pula berkaitan tentang pandangan masyarakat berdasarkan etnik atau kaum iaitu aspek penggunaan bahasa, interaksi antara budaya kaum Melayu, Siam dan Cina, hubungan ekonomi dan





cara hidup kaum majoriti serta minoriti. Jenis soalan pada bahagian C adalah bersifat *dichotomous* iaitu soalan yang memerlukan jawapan samada ya atau tidak, benar atau salah. Bahagian ini bertujuan mengenalpasti aspek-aspek budaya yang berjaya mempengaruhi interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat MTSK.

Dalam hal yang sama, kaji selidik berstruktur ini akan diedarkan di pusat-pusat tumpuan masyarakat di MTSK seperti rumah-rumah ibadat seperti masjid dan wat serta pusat pendidikan seperti sekolah-sekolah. Dengan itu, edaran kertas kaji selidik terhadap masyarakat MTSK ini bukan sahaja dilakukan pengkaji sebaliknya akan dibantu oleh beberapa orang pemimpin setempat seperti pegawai daerah Sik, penghulu MSTK, imam-imam MTSK dan ketua-ketua kampung MTSK. Ringkasnya, kaji selidik yang dilaksanakan boleh membantu mengenalpasti pengaruh kebudayaan yang diamalkan dan diterima oleh masyarakat MSTK. Kaji selidik ini dijalankan terhadap tiga etnik utama masyarakat MTSK iaitu etnik Melayu, etnik Siam dan etnik Cina. Seramai 590 responden telah terlibat dalam kaji selidik yang dilaksanakan oleh pengkaji. Berikut adalah jumlah pembahagian borang kaji selidik mengikut etnik di MTSK:





## Jadual 1.1

*Kaji selidik berstruktur dan tidak berstruktur mengikut kaum*

Etnik	Jantina		Jumlah
	L	P	
Melayu	120	200	320
Siam	100	100	200
Cina	40	30	70
Jumlah besar		590	

Selain daripada membuat kaji selidik berstruktur terhadap masyarakat



masyarakat Mukim Teloi. Menurut Sulaiman Masri (2005), kaji selidik tidak berstruktur adalah “ajuan soalan yang tidak ditetapkan atau bersifat terbuka iaitu pengkaji tidak menyediakan jawapan kepada subjek kajian” (ms. 60). Kaji selidik tidak berstruktur ke kawasan luar perlu dilaksanakan bertujuan meneliti samada wujud pengaruh kebudayaan asing turut sama mempengaruhi kehidupan dan mengubah cara hidup masyarakat MTSK. Kaji selidik tidak berstruktur turut dijalankan di luar kawasan mukim bertujuan menilai padangan masyarakat luar terhadap budaya yang diamalkan oleh masyarakat MTSK. Oleh itu, kajian lapangan tidak berstruktur ini akan dilakukan melalui rakaman, catatan melalui perbualan dan pemerhatian ragam manusia di luar kawasan kajian. Kajian lapangan tidak berstruktur ini melibatkan beberapa buah kawasan seperti Mukim Sok, Mukim Sik, Mukim Jeneri, Mukim





Jeniang, daerah Baling dan daerah Kuala Muda. Aspek yang akan diteliti di dalam kajian ini adalah agama, bahasa, kesenian, kesusasteraan lama dan adat resam yang diamalkan.

### 1.9.3 Temu bual

Teknik temu bual atau wawancara mampu dijadikan kaedah utama dalam pengumpulan maklumat. Seringkali dalam kajian yang dilakukan, terdapat banyak maklumat boleh didapati melalui dokumentasi, pemerhatian dan catatan tertentu. Oleh itu, temu bual adalah satu teknik yang memerlukan seseorang pengkaji untuk bersemuka dengan subjek kajian untuk memperolehi maklumat dan data. Secara tidak langsung, teknik temu bual berjaya



mengungkap pandangan masyarakat MTSK tentang budaya dan interaksi antara budaya dalam kepelbagaian etnik (Emzir, 2011). Terdapat dua jenis temu bual dalam kajian ini iaitu temu bual secara terancang dan temubual secara tidak terancang.

Temu bual secara terancang mempunyai keistimewaan tersendiri iaitu penemu bual boleh menentukan jenis soalan dan pandangan yang dikehendaki secara mendalam. Temu bual secara terancang memerlukan pengkaji menentukan bentuk soalan dan fokus tajuk yang tertentu sahaja. Selain itu, temu bual secara terancang turut berjaya mengumpul data seterusnya mengkayakan serta menyerlahkan kajian yang dilakukan. Seramai 25 orang tokoh terpilih telah ditemu bual dengan tujuan mendapatkan data dan maklumat berkaitan interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat





MTSK. Dua puluh lima orang tokoh ini adalah informan kepada pengkaji dalam usaha mendapatkan gambaran awal tentang masyarakat MTSK. Informan dalam kajian ini adalah mereka yang memberi maklumat kepada pengkaji tetapi bukan subjek kajian. Mereka akan memberi maklumat tentang masyarakat MTSK secara lisan dan perkongsian dokumen primer serta sekunder. Berdasarkan teknik ini, temu bual secara terancang akan dilakukan pada masa yang ditetapkan ke atas ketua masyarakat yang terpilih dan berpengaruh seperti pegawai daerah, ketua mukim, ketua-ketua kampung dan wakil rakyat di kawasan MTSK.

Temu bual terancang ini akan melibatkan beberapa ajuan soalan secara lisan tetapi iaitu aspek sejarah MTSK, suasana masyarakat MTSK, jenis masyarakat MTSK dan keadaan adat resam sebenar masyarakat MTSK. Aspek-aspek tersebut begitu penting dalam mengenalpasti pola budaya dan masyarakat di kawasan tersebut. Malah ajuan soalan secara rawak terhadap masyarakat setempat turut sama membantu dalam memastikan kesahihan fakta yang dikeluarkan oleh tokoh-tokoh terpilih terhadap masyarakat MTSK. Secara tidak langsung, kajian ini berjaya mengenali watak dan perwatakan penduduk setempat dengan menilai proses interaksi masyarakat induk dengan masyarakat di luar kawasan tersebut.

Sementara itu, temu bual secara tidak terancang pula dilakukan ketika pengkaji melaksanakan kajian lapangan di kampung-kampung MTSK yang terpilih. Antara kampung-kampung yang terpilih dalam temubual secara tidak terancang ini adalah kampung Teloj Tua, kampung Joget, kampung Charok Padang, kampung Begia dan kampung Bandar Hilir. Secara keseluruhannya,





seramai 275 penduduk MTSK telah ditemui bual oleh pengkaji bagi memastikan kajian berjaya disempurnakan dengan baik. Seramai 275 orang penduduk MTSK telah menjadi responden dalam kajian. Responden merujuk kepada individu yang terlibat secara langsung dalam kajian iaitu individu yang menjadi sampel atau subjek kajian. Temu bual yang dilaksanakan oleh pengkaji boleh dilihat melalui jadual berikut:

### Jadual 1.2

*Temu bual terancang dan tidak terancang masyarakat MTSK*

Jenis tem bual	Jumlah
Temu bual terancang	25
Temu bual tidak terancang	270
Jumlah Besar	295

#### 1.9.4 Sumber Primer dan sumber Sekunder

Dalam memastikan kajian interaksi antara budaya di MTSK mengikut perancangan, pengumpulan data daripada sumber primer dan sumber sekunder perlu dilakukan menggunakan kaedah perpustakaan. Kaedah perpustakaan adalah “satu teknik penyelidikan untuk mendapatkan data dan maklumat melalui pembacaan dan analisis sumber primer dan sekunder” (Mohd Shafie, 1991, ms. 41). Ini kerana sumber primer iaitu catatan awal penempatan, surat-





surat dan sumber sekunder iaitu majalah, surat khabar serta buku-buku yang ditulis oleh penulis terdahulu begitu penting dalam menilai kehadiran dan kesan interaksi budaya kepada masyarakat MTSK. Penelitian terhadap sumber-sumber primer dan utama ini menjadi gambaran awal kepada pengamalan budaya masyarakat MTSK terdahulu sehingga generasi baru.

Ini bererti pengumpulan bahan-bahan primer dan sekunder akan diperolehi melalui penduduk sekitar MTSK, Ibu Pejabat Utama Arkib Negara, Kuala Lumpur, Cawangan Arkib Negara, Kedah dan perpustakaan Negara, perpustakaan negeri Kedah serta perpustakaan universiti seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).



### 1.9.5 Komparatif

Kaedah terakhir yang digunakan dalam kajian interaksi antara budaya di MTSK adalah melalui komparatif iaitu perbandingan. Di dalam kaedah ini, “perbandingan bentuk-bentuk budaya, ciri-ciri budaya dan jenis-jenis budaya yang berbeza akan dibuktikan” (Abdul Halim, 1987, ms. 129). Ini bermaksud, kajian ini akan membandingkan budaya yang diamalkan oleh masyarakat MTSK dengan masyarakat luar MTSK. Perbandingan kebudayaan ke atas kawasan-kawasan tersebut membolehkan kajian ini mencari persamaan dan perbezaan budaya yang diamalkan oleh MTSK sehingga menentukan wujudnya interaksi antara budaya di mukim tersebut.





### 1.9.6 Kajian rintis

Sebelum kajian sebenar dilaksanakan, pengkaji terlebih dahulu telah menjalankan kajian rintis. Tujuan sebenar kajian rintis dilakukan adalah untuk memastikan kemunasabahan kajian yang akan dijalankan. Menurut Azizi Yahya dan Shahrin Hashim (2007), “kajian rintis perlu dijalankan demi mengukur kesahan kaji selidik dan melatih pengkaji dalam membina teori dan bolehubah kajian sebenar” (ms. 158). Dalam usaha menilai interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat di MTSK, pengkaji terlebih dahulu mengedarkan borang kaji selidik berstruktur kepada pelajar di Kolej Yayasan Pendidikan Cheras, Kuala Lumpur dan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.



Sebanyak 120 helai borang kaji selidik berstruktur telah diedarkan oleh pengkaji kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Multimedia di Kolej Yayasan Pendidikan Cheras, Kuala Lumpur di samping 150 helai borang lagi telah diedarkan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajian Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. Pemilihan subjek kajian rintis ini memenuhi ciri-ciri populasi asal kajian iaitu saling berinteraksi antara satu sama lain walaupun berbeza budaya dan kaum. Antara aspek-aspek yang terdapat dalam borang kaji selidik adalah asal keturunan, umur, pekerjaan, agama, pandangan pelajar tehadap kaum, interaksi antara budaya, penggunaan bahasa Melayu, hubungan ekonomi serta cara hidup kaum majoriti dan minoriti. Kajian rintis telah melibatkan tiga kaum utama Malaysia iaitu:





### Jadual 1.3

*Kaji selidik berstruktur mengikut kaum (kajian rintis)*

Kaum	Jantina		Jumlah
	L	P	
Melayu	55	80	115
Cina	40	45	85
India	20	50	70
Jumlah besar		270	

Hasil daripada kajian rintis, pengkaji berjaya meningkatkan kemahiran dalam menganalisis dokumen dan data serta berkemahiran dalam menggunakan kaedah kaji selidik berstruktur. Secara keseluruhannya, soalan-soalan kaji selidik dalam kajian rintis berjaya dijawab oleh responden dengan baik. Ini kerana responden dapat membaca soalan-soalan yang diberikan dengan jelas tanpa kekeliruan. Di samping itu, ujian rintis secara umumnya mampu memberi gambaran awal kepada pengkaji berkaitan interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat terutama soal agama, bahasa, persepsi, hubungan kaum dan sikap kerjasama antara kaum.





## 1.10 Batasan kajian

Kekurangan sumber primer dan sekunder dalam membuat kajian interaksi antara budaya di MTSK merupakan suatu permasalahan dalam kajian ini. Sumber-sumber primer dan sekunder yang diperolehi melalui dokumen, surat-surat, buku-buku, majalah-majalah dan akhbar-akhbar hanya berkisarkan tentang negeri Kedah secara khusus dan sejarah daerah Sik secara umum. Ini menyebabkan kajian ini terpaksa melalui proses saringan maklumat yang benar berdasarkan temubual secara berstruktur dan membandingkan ciri-ciri kebudayaan Islam, Hindu-Buddha dan Siam melalui kaedah pemerhatian. Sementara itu,kekangan dalam memperolehi sumber-sumber primer menyebakan kajian ini terpaksa melibatkan beberapa pemimpin tempatan yang berpengaruh dalam memastikan kebenaran dan wujudnya interaksi budaya dalam kalangan MTSK melalui surat-surat perjanjian, pengakuan kewarganegaraan dan asal usul kewujudan mukim tersebut melalui bantuan yang diberikan.

Penggunaan kaedah dalam kajian interaksi antara budaya di MTSK turut menghadapi kekangan dan halangan. Ini kerana penggunaan kaedah kajian yang digunakan seperti temubual secara rawak, pemerhatian secara umum dan kaji selidik secara berstruktur perlu dilakukan bersesuaian dengan nilai-nilai kemasyarakatan di kawasan tersebut. Ini bermakna kajian ini perlu diteliti terlebih dahulu oleh warga tempatan yang dikenali agar tidak berlaku permasalahan dalam kajian serta tidak menyentuh sensitiviti masyarakat di kawasan tersebut. Ini kerana isu-isu seperti pendatang, agama yang bercanggah dan adat resam yang menyimpang merupakan perkara yang perlu





dijauhi daripada pertanyaan dan persoalan kepada masyarakat di kawasan tersebut.

Permasalahan juga berlaku apabila wujud halangan interaksi masyarakat di MTSK dengan pengkaji. Ini kerana masyarakat di kawasan tersebut masih lagi beranggapan bahawa masyarakat luar atau orang luar tidak boleh dipercayai dan mempunyai maksud tersurat. Tambahan pula, pengkaji bukan anak jati di kawasan tersebut terpaksa membiasakan diri dengan budaya dan kebudayaan masyarakat di kawasan tersebut melalui penyertaan aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan oleh Penghulu Mukim Teloj seperti Hari Keluarga dan Khidmat Masyarakat. Malah, pengkaji akan melakukan kajian interaksi budaya di MTSK dengan tinggal bersama dengan sebuah keluarga kenalan yang akan membantu memahami kebudayaan masyarakat di kawasan tersebut.



## 1.11 Ringkasan bab

Kajian ini melibatkan lima bab kesemuanya iaitu bab satu membincangkan tentang bab pengenalan iaitu tajuk kajian yang dipilih oleh pengkaji. Bab satu turut merangkumi tentang penelitian awal kajian seperti latar belakang kajian, penyataan masalah, persoalan kajian, skop dan tumpuan kajian, kerangka kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan batasan kajian. Bab dua pula menceritakan tentang latar belakang masyarakat Mukim Teloj khususnya dari segi kependudukan, jenis etnik dan kegiatan harian. Sementara itu, bab tiga menfokuskan tentang proses interaksi antara budaya dalam kalangan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
73

masyarakat iaitu persempadan, migrasi, akulturası, amalgamasi, pemerintah, institusi ibadat dan hubungan komuniti. Bab empat menumpukan tentang kemandirian yang berlaku dalam kalangan masyarakat Mukim Teloı setelah terjadinya proses interaksi antara budaya. Bab terakhir iaitu bab lima akan menyimpulkan dan merumuskan tentang proses interaksi antara budaya dalam kalangan masyarakat MTSK dan kesannya kepada mukim tersebut.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi